




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

PELAN STRATEGIK PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA 2030



DKN
2030
Dasar Keusahawanan Nasional
"Negeri Keusahawanan Unggul 2030"



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2030

ISBN 978-629-96642-6-0



© **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya, Malaysia

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat	Kandungan	Muka surat
Ringkasan Eksekutif	6	4.0 Cabaran Utama yang Dihadapi oleh PMKS	42
1.0 Pengenalan	10	4.1 Cabaran-Cabaran yang Memberi Kesan ke atas Prestasi PMKS	44
1.1 Aspirasi Nasional PMKS di Malaysia	11	4.1.1 Jurang Bagi Cabaran yang Dikenal Pasti	46
1.2 Hala Tuju Strategik PMKS di Malaysia	13	4.1.2 Jurang dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Proses Pelaksanaan	52
2.0 Landskap PMKS	14	5.0 Trend Masa Depan dan Sektor – Sektor Keutamaan	54
2.1 Definisi PMKS	16	5.1 Trend Masa Utama yang Mempengaruhi Prestasi PMKS	56
2.2 Rangka Kerja Tadbir Urus Ekosistem PMKS	18	5.2 Fokus Sektor-Sektor Keutamaan	58
2.3 Sumbangan Ekonomi PMKS di Malaysia	20	6.0 Pelan Strategik PMKS 2030	62
2.3.1 Populasi PMKS	21	6.1 Objektif dan Sasaran	64
2.3.2 Sumbangan PMKS Kepada KDNK	22	6.2 Rangka Kerja Pelan Strategik	66
2.3.3 Sumbangan PMKS Kepada Guna Tenaga	23	6.3 Strategi dan Inisiatif Utama	69
2.3.4 Sumbangan PMKS Kepada Eksport	24	6.4 Jangkaan Hasil dan Impak Bagi Inisiatif	85
2.3.5 Produktiviti Buruh PMKS	25	6.5 Rangka Kerja Tadbir Urus Pelan Strategik	86
2.4 Penandaarasan Peringkat Global Bagi Landskap PMKS di Malaysia	26	Rumusan	89
3.0 Inisiatif dan Pencapaian Program Pembangunan PMKS	32	Lampiran	91
3.1 Inisiatif Utama	34		
3.2 Pencapaian dan Inisiatif yang Telah Dilaksanakan	38		

Ringkasan Eksekutif

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) merupakan nadi kepada ekonomi Malaysia. Perusahaan ini mewakili 97.4% perniagaan di Malaysia dan mempunyai impak yang ketara kepada landskap ekonomi negara. Pada tahun 2022, PMKS menyumbang sebesar 38.4% terhadap KDNK negara, 48.2% terhadap guna tenaga negara, dan 10.5% terhadap jumlah eksport nasional.

Namun demikian, pandemik COVID-19 telah memberikan tamparan hebat kepada PMKS dan menyebabkan penurunan sumbangan ke tahap yang lebih rendah berbanding dengan tempoh sebelum pandemik. Penurunan ini menunjukkan ciri-ciri PMKS yang memiliki daya tahan terbatas ketika berhadapan dengan cabaran luar jangka.

Produktiviti yang rendah dan kekurangan daya saing merupakan faktor utama yang menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh PMKS di Malaysia. Kekurangan adaptasi teknologi menyebabkan PMKS sukar mencapai pertumbuhan yang pantas dan menyertai aktiviti bernilai tambah yang bermutu tinggi. Selain itu, sejumlah besar PMKS di negara ini terdiri daripada usahawan berteraskan keperluan berbanding usahawan yang berteraskan peluang atau inovasi. Situasi demikian mengakibatkan golongan usahawan sebegini kurang bersedia untuk mengambil risiko bagi membolehkan perniagaan mereka berkembang.

Pada tahun 2022, PMKS menyumbang sebanyak:



38.4% kepada KDNK negara



48.2% kepada guna tenaga



10.5% kepada eksport negara

Kekurangan daya tahan PMKS disebabkan oleh dua faktor utama....



**Produktiviti
Rendah**



**Kekurangan
Daya Saing**

Pelan Strategik PMKS 2030 menyediakan langkah-langkah penting dan bersasar dalam membangunkan **persekitaran perniagaan yang membolehkan PMKS berkembang secara mampan sebagai penjana ekonomi negara.**

Pelan ini bertujuan untuk **mentransformasikan PMKS di Malaysia menjadi perniagaan yang mampan serta dapat beradaptasi dengan trend baharu muncul serta cabaran luar jangka melalui peningkatan produktiviti serta daya saing.**

Objektif utama Pelan Strategik PMKS ini adalah:

- 1 Menyediakan pelbagai peluang kepada PMKS untuk mewujudkan jaringan pasaran tempatan dan antarabangsa
- 2 Mentransformasikan PMKS daripada berteraskan keperluan kepada berpacukan inovasi melalui guna tenaga yang berkemahiran dan bersesuaian
- 3 Memastikan PMKS memperoleh akses kepada pembiayaan mengikut keperluan dan persekitaran perniagaan
- 4 Melengkapkan PMKS dengan pengetahuan dan sumber yang diperlukan untuk mencetus inovasi dan menceburi aktiviti bernilai tambah tinggi
- 5 Meningkatkan persekitaran kawal selia agar lebih kondusif untuk PMKS, khususnya perusahaan mikro dalam menjalankan perniagaan
- 6 Menambah baik infrastruktur dan sokongan keusahawanan untuk PMKS terutamanya di kawasan luar bandar

Dalam mencapai objektif Pelan Strategik PMKS, tiga pemangkin utama telah dikenal pasti iaitu:



Minda dan Kemahiran Keusahawanan

Memupuk minda oportunistik dan pemikiran yang sentiasa berkembang dalam kalangan usahawan dan pemilik PMKS bagi memastikan mereka sentiasa bermotivasi menerima inisiatif baharu.



Ekosistem yang Kondusif untuk Berinovasi

Elemen dalam ekosistem keusahawanan yang diperlukan untuk berinovasi seperti kebolehan R&D&C&I, akses kepada bakat, kewangan dan pengetahuan untuk menggunakan teknologi 4IR disokong dengan tadbir urus dan infrastruktur digital.



Persekitaran Perniagaan yang Mesra PMKS

Persekitaran perniagaan yang menyediakan sumber untuk membentuk jaringan pasaran, mendapatkan akses kepada pembiayaan serta kawal selia dan infrastruktur yang mesra PMKS.

Sebanyak 13 strategi dan 56 inisiatif telah dikenal pasti berdasarkan ketiga-tiga pemangkin utama tersebut. Fokus utama bagi tiga pemangkin utama adalah seperti di bawah:

Pemangkin	Fokus Utama	Inisiatif Utama	Fasa Pelaksanaan
Minda dan Kemahiran Keusahawanan	Meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan pemilik PMKS, khususnya dalam kalangan perusahaan mikro dan kumpulan fokus khas*	EM01	Fasa 1 – Fasa 2
	Menggalakkan pemilik PMKS sedia ada supaya lebih berpacuan inovasi serta melahirkan lebih ramai usahawan daripada kumpulan fokus khas*	EM03, EM04, EM05	Fasa 1 – Fasa 2
Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi	Meningkatkan akses PMKS kepada pengetahuan digital dan pilihan pembiayaan yang membolehkan pelaksanaan inisiatif pendigitalan jangka panjang	IE01, IE02, IE03	Fasa 1 – Fasa 2
	Menyediakan sumber yang diperlukan oleh pemilik PMKS untuk meningkatkan kemahiran pekerja dengan kemahiran digital dan 4IR	IE06, IE07, IE08	Fasa 1 – Fasa 2
Persekitaran Perniagaan yang Mesra PMKS	Menyediakan sumber yang diperlukan oleh PMKS untuk menjalankan aktiviti eksport	BE01, BE03, BE04, BE06	Fasa 1 – Fasa 2
	Membolehkan PMKS menjalin jaringan pasaran yang lebih kukuh menerusi program berstruktur	BE07, BE08	Fasa 1 – Fasa 2
	Memperkemas proses pematuhan yang diperlukan oleh PMKS	BE30, BE31, BE32	Fasa 1 – Fasa 2
	Membolehkan PMKS melaksanakan inisiatif berkaitan kemampuan dalam perniagaan	BE24	Fasa 2

*Kumpulan fokus khas termasuk Bumiputera, Belia (bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang asli

BAB 1: **Pengenalan**




1.1 Aspirasi Nasional PMKS di Malaysia

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) secara konsisten memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Seperti maklumat dalam Rajah 1, dari tahun 2015 hingga 2022, PMKS mewakili sejumlah 97.0% daripada perniagaan berdaftar dan secara puratanya menyumbang sebanyak 37.0% daripada KDNK negara dan 47.0% kepada tahap guna tenaga negara. **Oleh itu, pembangunan PMKS sentiasa menjadi keutamaan negara bagi memastikan kedudukannya kekal sebagai pemacu utama ekonomi.**

Perbezaan yang ketara antara PMKS dan syarikat-syarikat besar ialah **PMKS beroperasi dengan sumber yang terhad daripada segi kewangan dan tenaga kerja.**

Ciri-ciri PMKS yang unik seperti sumber yang terhad dan kurangnya kerehnan birokrasi berupaya mendorongnya untuk menjadi inovator. Sungguhpun begitu, ciri-ciri ini menjadikan PMKS lebih mudah terjejas dengan kelemahan dasar, gangguan ekonomi dan kekangan akses kepada sumber keperluan perniagaan yang penting seperti infrastruktur, kewangan, teknologi, pengetahuan dan kemahiran teknikal. Sehubungan itu, dalam memastikan pembangunan ekosistem PMKS terus diperkukuhkan, Kerajaan memainkan peranan penting dalam menangani ketidaksempurnaan pasaran dan penyampaian maklumat serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif secara bersasar untuk mewujudkan peluang yang saksama kepada PMKS.

Rajah 1: Sumbangan PMKS Dari Segi Populasi, KDNK dan Guna Tenaga dari tahun 2015 hingga 2022

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
 Populasi	98.5%	97.9%	97.7%	97.4%	97.3%	97.2%	97.4%	97.4%
 KDNK	37.0%	37.3%	37.8%	38.3%	38.9%	38.1%	37.4%	38.4%
 Guna Tenaga	46.6%	47.0%	47.6%	48.0%	48.4%	48.0%	47.8%	48.2%

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) telah diperkenalkan pada tahun 2019 bagi menetapkan hala tuju ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul. **Dasar ini bertujuan untuk mencapai lima objektif utama menerusi pelaksanaan enam teras strategik.** Teras strategik seperti dalam Rajah 2 telah dirangka bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam ekosistem keusahawanan yang turut melibatkan PMKS.

Rajah 2: Teras Strategik dan Objektif DKN 2030



Sumber: DKN 2030

Susulan pandemik COVID-19, PMKS didapati lebih terjejas berbanding dengan syarikat-syarikat besar. Oleh yang demikian, daya tahan PMKS perlu ditingkatkan untuk jangka masa panjang. Strategi dan inisiatif dalam DKN 2030 **kekalkan relevan memandangkan pengubalan dasar ini adalah untuk menangani cabaran-cabaran utama PMKS** yang telah menjadi semakin serius lantaran daripada impak pandemik.

1.2 Hala Tuju Strategik PMKS di Malaysia

Selaras dengan aspirasi nasional bagi PMKS yang telah digariskan dalam DKN 2030, Kerajaan akan terus komited untuk menyokong dan memupuk pembangunan PMKS. Ini terbukti melalui inisiatif khusus untuk PMKS yang telah dilaksanakan sejak dahulu lagi.

Walaupun inisiatif semasa telah memberi banyak manfaat kepada PMKS di Malaysia, masih terdapat ruang untuk **penambahbaikan ekosistem keusahawanan bagi membolehkan PMKS kekal mampan dalam landskap global yang kian berubah**. Perubahan tabiat pengguna kepada interaksi berasaskan digital adalah antara impak jangka panjang pandemik COVID-19. Kesannya, perniagaan perlu memperuntukkan pelaburan yang lebih tinggi ke arah transformasi digital. Sehubungan itu, Kerajaan perlu memberikan sokongan yang bersasar untuk memastikan PMKS di Malaysia kekal berdaya saing di peringkat global.

Selain itu, kesan negatif yang dialami semasa pandemik COVID-19 telah menimbulkan keperluan untuk meningkatkan lagi daya tahan PMKS di Malaysia. Justeru, keutamaan perlu diberikan kepada inisiatif bersasar yang tertumpu kepada pembinaan kapasiti terutama dalam membudayakan minda keusahawanan serta menyediakan sumber yang diperlukan untuk membentuk jaringan pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa. Seterusnya, penekanan juga perlu diberikan kepada inisiatif yang menggalakkan PMKS untuk menerapkan amalan kemampan dalam perniagaan sebagai usaha menjadikan ia lebih berdaya tahan pada masa hadapan.

“Dalam usaha meningkatkan daya tahan PMKS, penyediaan sokongan bersasar yang menumpukan kepada pendigitalan, perubahan minda serta membentuk jaringan pasaran yang kukuh di peringkat tempatan dan antarabangsa adalah amat penting”

BAB 2:

Landskap PMKS

Pengenalan

PMKS memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Ciri-cirinya yang unik seperti kebolehan untuk berinovasi dengan sumber yang terhad serta birokrasi yang minimum dapat mewujudkan peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan. Walau bagaimanapun, ciri-ciri ini telah menyebabkan PMKS kurang berdaya tahan berbanding syarikat besar terutamanya apabila berdepan dengan gangguan persekitaran luaran.

Bagi menangani perkara ini, Kerajaan Malaysia menyedari keperluan untuk melaksanakan intervensi bagi menyokong pembangunan PMKS. Bagi mengenal pasti dan membangunkan langkah-langkah intervensi yang diperlukan, adalah penting untuk memahami landskap keseluruhan PMKS termasuk definisi PMKS, rangka kerja tadbir urus dan kawal selia, tahap prestasi semasa PMKS dan penandaarasan amalan terbaik negara-negara lain.

2.1 Definisi PMKS

Definisi PMKS mulai digunakan 2005 dan kemudiannya disemak semula pada 2014 dengan mengambil kira beberapa parameter utama baharu seperti di Rajah 3.

Definisi PMKS perlu memenuhi keperluan khusus seperti berikut:

1. Berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkaitan, iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), badan berkanun/ badan profesional masing-masing atau pihak berkuasa/ pejabat daerah di Malaysia Timur;

2. Bukan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia atau bursa saham di negara lain; dan
3. Bukan anak syarikat tersenarai awam, firma besar, Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Kementerian Kewangan Diperbadankan atau syarikat milik kerajaan negeri

Rajah 3: Definisi PMKS Yang Disemak Semula

2005			2014	
Pembuatan	Perkhidmatan, Pertanian dan ICT		Pembuatan	Sektor Perkhidmatan dan Lain-lain
Jualan Tahunan: RM10 juta < RM25 juta ATAU Pekerja: Daripada 51 <150	Jualan Tahunan: RM1 juta < RM5 juta ATAU Pekerja: Daripada 20 < 50	SEDERHANA KECIL MIKRO	Jualan Tahunan: RM15 juta ≤ RM50 juta ATAU Pekerja: Daripada 75 ≤ 200	Jualan Tahunan: RM3 juta ≤ RM20 juta ATAU Pekerja: From 30 to ≤ 75
Jualan Tahunan: RM250,000 < RM10 juta ATAU Pekerja: Daripada 5 ≤ 150	Jualan Tahunan: RM200,000 < RM1 juta ATAU Pekerja: Daripada 5 < 19		Jualan Tahunan: RM300,000 < RM15 juta ATAU Pekerja: Daripada 5 < 75	Jualan Tahunan: RM300,000 < RM3 juta ATAU Pekerja: Daripada 5 < 30
Jualan Tahunan: < RM250,000 ATAU Pekerja: < 5	Jualan Tahunan: < RM200,000 ATAU Pekerja: < 5		Jualan Tahunan: < RM300,000 ATAU Pekerja: < 5	Jualan Tahunan: < RM300,000 ATAU Pekerja: < 5

*Istilah rasmi di Malaysia adalah definisi PKS yang meliputi kriteria perusahaan mikro, kecil dan sederhana. "PKS" digunakan hanya untuk merujuk kepada definisi tersebut, manakala PMKS digunakan secara menyeluruh dalam dokumen ini yang merujuk kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Definisi PMKS telah diterima pakai oleh **semua pihak berkepentingan, iaitu Kementerian dan Agensi-Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta institusi kewangan**, kecuali dua perbadanan berikut:

- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)

Pengecualian ini hanya untuk MIDA mengenalpasti Syarikat yang layak menerima insentif dan bagi LHDN menentukan cukai Korporat.

Di peringkat global, tiada definisi standard untuk PMKS kerana wujudnya kepelbagaian antara negara berdasarkan kepada skala dan struktur perusahaan dalam sesebuah ekonomi. Walaupun begitu, **definisi PMKS di negara ini adalah sejajar dengan piawaian global dari segi parameter kualitatif** iaitu:

- Metrik kualitatif yang paling biasa digunakan untuk definisi PMKS di negara-negara yang ditanda aras adalah jualan tahunan dan jumlah pekerja
- Kebanyakan negara yang ditanda aras menerima pakai "ATAU" dan bukannya "DAN"

Dalam menilai keperluan semakan semula definisi PMKS, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah menentukan keperluan untuk melaksanakan semakan semula berdasarkan tiga faktor iaitu keberkesanan, kejelasan dan berkaitan.

Selain itu, pendekatan yang biasanya diambil dalam kajian semula sesebuah definisi melibatkan analisis kuantitatif terperinci yang turut menilai pertumbuhan ekonomi semasa. Penilaian itu merangkumi perubahan kepada industri atau struktur pasaran serta turut melibatkan perundingan dengan pihak berkepentingan secara komprehensif. Walaupun terdapat kesan negatif berikutan pandemik, negara-negara maju tidak membuat semakan semula definisi tetapi akan membuat penilaian semula apabila ekonomi kembali pulih. Selaras dengan perkembangan di peringkat global, tiada keperluan untuk menyemak semula definisi PMKS semasa ini berdasarkan justifikasi berikut:

- Tiada perubahan atau perkembangan yang ketara dalam landskap ekonomi secara keseluruhan
- Parameter dan metrik sedia ada yang digunakan adalah masih setanding dengan amalan global
- Nilai ambang semasa masih relevan dan sah dalam keadaan semasa

Walau bagaimanapun, kajian definisi penuh yang terdiri daripada analisis kuantitatif yang terperinci dan sesi libat urus pihak berkepentingan secara komprehensif adalah disyorkan menggunakan data terkini daripada banci ekonomi. Semakan semula ini juga perlu mengambil kira potensi impak sosio-ekonomi daripada trend baharu muncul seperti pendigitalan.

2.2 Rangka Kerja Tadbir Urus Ekosistem PMKS

KUSKOP memainkan peranan penting sebagai penyelar as induk tadbir urus keusahawanan di Malaysia. Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) berperanan untuk menggubal dasar dan hala tuju pembangunan PMKS di Malaysia. Manakala, MPKN memperkasakan dan menyelaraskan ekosistem keusahawanan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Keusahawanan Nasional (JTPKN) pula bertindak sebagai penyelar as inisiatif keusahawanan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Struktur tadbir urus sedia ada telah merangkumi pihak-pihak berkepentingan utama yang diperlukan untuk pelaksanaan keputusan dasar di peringkat tinggi yang akan menyokong pembangunan ekosistem PMKS.


Rajah 4: Struktur Tadbir Urus Sedia Ada Bagi Ekosistem Keusahawanan di Malaysia



Pelan Induk PKS 2012 – 2020 (Pelan Induk PKS) telah dibangunkan pada tahun 2012 sebagai rangka kerja komprehensif untuk mempercepatkan pertumbuhan PMKS. Visi Pelan Induk PKS adalah untuk menjadikan PMKS di Malaysia sebagai pesaing yang mantap di peringkat global dan menjadi penyumbang utama dari segi ekonomi dan sosial. Oleh itu, matlamat dan sasaran yang jelas telah diwujudkan

seperti dalam Rajah 5. Dalam mencapai matlamat dan sasaran ini, SME Corporation Malaysia (SME Corp.) telah diberi peranan selaku Agensi Penyelaras Utama bagi pelaksanaan program pembangunan PMKS di Malaysia. Pencapaian keberhasilan program tersebut dilaporkan secara tahunan melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA).

Rajah 5: Pelan Induk PKS 2012 – 2020




2.3 Sumbangan Ekonomi PMKS di Malaysia

Pandemik COVID-19 yang melanda di peringkat global dan Malaysia telah menjejaskan prestasi PMKS terutamanya dari penghujung tahun 2019 hingga tahun 2020. Namun, ketika Malaysia memasuki fasa endemik seperti negara-negara lain di seluruh dunia, penunjuk ekonomi utama berkaitan prestasi PMKS di Malaysia telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2021.

Sungguhpun begitu, prestasi ekonomi pulih pada kadar yang sederhana walaupun pelbagai intervensi telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Ini menandakan bahawa PMKS kurang berdaya tahan dalam menangani impak pandemik.

Hanya pada tahun 2022, prestasi PMKS kembali kepada prestasi pra-pandemik pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, prestasi eksport PMKS masih berada di tahap yang rendah.




	Pra-COVID-19 (2018)	Pasca-COVID-19 (2021)	Pasca-COVID-19 (2022)
Sumbangan PMKS Kepada KDNK	38.3%	37.4%	38.4%
Sumbangan PMKS Kepada Pekerjaan	48.0%	47.8%	48.2%
Sumbangan PMKS Kepada Eksport	17.3%	11.4%	10.5%

2.3.1 Populasi PMKS

Malaysia merekodkan sejumlah 1.17 juta PMKS pada tahun 2022 berbanding dengan peningkatan sebanyak 29.4% berbanding jumlah PMKS pada tahun 2015. Sektor Perkhidmatan merupakan sektor utama bagi PMKS yang merupakan 84.7% daripada jumlah pertumbuhan pada tahun 2022. Pada tahun 2020 jumlah PMKS mengalami penurunan 2.6% berbanding tahun 2019 (Rajah 6). Prestasi ini disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan


berlakunya jumlah penutupan operasi perniagaan yang tinggi terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut telah bertambah baik pada tahun 2021 yang mencatatkan pertumbuhan 6.5% berbanding tahun sebelumnya. Ia berkait rapat dengan kelonggaran sekatan pergerakan dan pelbagai pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Rajah 6: Populasi PMKS mengikut Saiz dan Aktiviti Ekonomi dari 2015 hingga 2022



2.3.2 Sumbangan PMKS kepada KDNK

Rajah 7: Sumbangan KDNK PMKS dari tahun 2015 hingga 2022



Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2022, DOSM

Rajah 8: Sumbangan KDNK PMKS Mengikut Aktiviti dari tahun 2015 hingga 2022

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Perkhidmatan	40.9%	41.2%	41.7%	42.1%	42.7%	41.0%	39.9%	41.9%
Pembuatan	33.8%	34.0%	34.2%	34.4%	34.6%	34.5%	34.2%	33.5%
Pertanian	50.9%	52.5%	52.7%	52.8%	53.0%	53.9%	55.0%	54.7%
Pembinaan	47.0%	46.6%	46.6%	46.4%	46.4%	48.7%	49.0%	49.0%
Perlombongan & Pengkuarian	2.0%	2.1%	2.3%	2.4%	2.9%	3.0%	2.9%	3.0%


Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2022, DOSM

Sumbangan PMKS kepada KDNK menunjukkan trend yang meningkat dari tahun 2015 hingga tahun 2019. Namun, pandemik yang melanda negara menyebabkan penurunan sumbangan PMKS kepada KDNK pada tahun 2020 dan 2021 iaitu masing-masing menyumbang sebanyak 38.1% dan 37.4% seperti di Rajah 7. Hal ini menunjukkan bahawa PMKS **kurang berdaya tahan terhadap gangguan luar jangka**. Tambahan pula, perbandingan antara trend menaik dalam populasi PMKS dengan trend penurunan dalam sumbangan PMKS pada tahun 2021 kepada KDNK negara menunjukkan bahawa **usaha perlu dimantapkan untuk memudahcara pertumbuhan PMKS sedia ada dan baharu**.

Prestasi PMKS dilihat semakin pulih pada tahun 2022 di mana sumbangan PMKS menokok **kepada 38.4% iaitu peningkatan sebanyak 1.0% berbanding sumbangan pada tahun 2021**. KDNK PMKS mencatatkan RM580.4 bilion di mana sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang utama yang merangkumi 84.6% kepada KDNK PMKS. Dari segi sumbangan PMKS kepada aktiviti, sektor yang memberi sumbangan yang paling besar adalah Pertanian (54.7%) dan Pembinaan (49.0%) seperti yang ditunjukkan di Rajah 8.

2.3.3 Sumbangan PMKS Kepada Guna Tenaga

Rajah 9: Sumbangan PMKS Kepada Guna Tenaga dari tahun 2015 hingga 2022



Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2022, DOSM

Dari tahun 2015 sehingga 2019, kadar guna tenaga PMKS menyumbang pada kadar 46.6% hingga 48.4% kepada guna tenaga negara. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 dan 2021 sumbangan guna tenaga PMKS menurun kepada 48.0% dan 47.8% (Rajah 9) berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Sumbangan guna tenaga PMKS kembali meningkat kepada 48.2% pada tahun 2022 dengan mencatatkan pertumbuhan 3.8% berbanding 0.9% pada tahun 2021. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi guna tenaga PMKS di mana masing-masing menyumbang 64.1% dan 16.4% kepada guna tenaga PMKS. Berdasarkan perspektif aktiviti ekonomi, sumbangan guna tenaga tertinggi adalah dalam sektor Perkhidmatan (50.1%) diikuti oleh sektor Pembinaan (48.4%) seperti di Rajah 10. Guna tenaga PMKS yang terbesar dalam sektor perkhidmatan adalah dari aktiviti perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.


Rajah 10: Sumbangan Guna Tenaga PMKS mengikut Aktiviti dari tahun 2015 hingga 2022

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Perkhidmatan	50.2%	49.8%	49.4%	49.8%	50.5%	49.9%	49.5%	50.1%
Pembuatan	45.0%	45.8%	46.7%	46.6%	46.7%	46.5%	46.2%	45.9%
Pertanian	34.7%	36.9%	41.2%	41.4%	41.4%	41.8%	42.2%	42.3%
Pembinaan	45.7%	46.1%	48.1%	48.5%	48.3%	48.1%	48.2%	48.4%
Perlombongan & Pengkuarian	26.6%	27.6%	26.7%	27.4%	28.1%	28.3%	27.9%	27.6%

Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2022, DOSM

2.3.4 Sumbangan PMKS Kepada Eksport

Rajah 11: Sumbangan PMKS kepada Eksport dari tahun tahun 2015 hingga 2022



Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2022, DOSM

Rajah 12: Sumbangan Eksport PMKS Berdasarkan Aktiviti dari tahun 2015 hingga 2022

Aktiviti	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian	0.2%	0.3%	0.3%	0.3%	0.2%	0.3%	0.3%	0.2%
Pembinaan	8.6%	8.8%	8.3%	8.4%	8.6%	9.3%	8.7%	8.3%
Perkhidmatan	8.9%	9.5%	8.9%	8.7%	9.1%	3.9%	2.4%	2.0%

Sumber: Perusahaan Mikro, Kecil and Sederhana 2022, DOSM

Sumbangan PMKS kepada eksport dari tahun 2015 hingga 2019, adalah di antara 17.0% hingga 19.0%. Namun, impak negatif COVID-19 yang telah menjejaskan aktiviti perdagangan luar negara menyebabkan kadar pertumbuhan eksport PMKS menyusut daripada 2.6% pada tahun 2019 kepada negatif 33.1% pada tahun 2020. Susulan itu, sumbangan PMKS kepada eksport negara turut mencatatkan penurunan daripada 17.9% (RM176.3 bilion) pada tahun 2019 kepada 13.5% (RM117.8 bilion) pada tahun 2020.


Eksport PMKS merekodkan sumbangan yang lebih kecil iaitu 11.4% pada 2021 dan 10.5% pada 2022. Namun, nilai eksport yang direkodkan masing-masing telah meningkat kepada RM124.3 bilion dan RM144.5 bilion. Merujuk kepada Rajah 12, eksport PMKS tertinggi pada tahun 2022 disumbangkan oleh sektor Pembuatan (8.3%) diikuti sektor Perkhidmatan (2.0%) dan sektor Pertanian (0.2%).

2.3.5 Produktiviti Buruh PMKS

Produktiviti buruh diukur berdasarkan output yang dihasilkan oleh seunit input buruh (setiap pekerja). Produktiviti buruh di peringkat nasional meningkat dengan stabil antara tahun 2016 hingga 2019. Bagi tahap produktiviti buruh PMKS, ia juga meningkat antara 2.9% hingga 3.7%, di mana ia mengatasi kadar pertumbuhan produktiviti buruh Malaysia. Ini menunjukkan bahawa PMKS menggunakan sumber dengan berkesan dalam menghasilkan output. Walau bagaimanapun, tahap produktiviti buruh PMKS merosot kepada negatif 6.4% pada tahun 2020 kesan daripada pandemik. Penurunan produktiviti PMKS adalah lebih tinggi berbanding produktiviti

buruh Malaysia (Rajah 13) membuktikan keadaan PMKS yang lebih mudah terjejas terhadap gangguan luar jangka. Tahap produktiviti buruh PMKS dilihat bertambah baik dengan mencatat pertumbuhan marginal kepada 0.5% pada tahun 2021. Produktiviti PMKS terus pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 7.5% pada tahun 2022. Walaupun produktiviti PMKS telah menunjukkan tanda-tanda positif setelah beradaptasi dengan norma baharu, masih terdapat peluang untuk intervensi bersasar bagi terus menyokong PMKS dalam usaha pemulihannya.

Rajah 13: Produktiviti Buruh PMKS dari tahun 2016 hingga 2022



2.4 Penandaarasan Peringkat Global Bagi Landskap PMKS di Malaysia

Dalam usaha mengenal pasti intervensi bersasar yang perlu bagi mewujudkan landskap yang kondusif untuk PMKS di Malaysia, lima indeks global telah dirujuk sebagai penanda aras landskap sedia ada. Tujuannya ialah bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan untuk Malaysia dan amalan terbaik dari negara-negara seperti dalam Rajah 14. Prestasi Malaysia dalam Indeks Daya Saing Global (GCI), Indeks Keusahawanan Global (GEI) dan Indeks Inovasi Global (GII) menunjukkan terdapat peluang untuk penambahbaikan, khususnya dalam:


- Menggalakkan lebih ramai usahawan berteraskan inovasi dan menyediakan sokongan yang diperlukan terutamanya dari segi modal insan dan infrastruktur digital; dan

- Meningkatkan daya saing persekitaran perniagaan sedia ada dengan meningkatkan ketelusan tadbir urus, memperhalusi peraturan perniagaan yang berkaitan, memperkemas proses perniagaan dan meningkatkan ketersambungan fizikal.


Oleh itu, amalan terbaik dari negara-negara yang ditanda aras perlu dikaji dan boleh dipertimbangkan untuk pelaksanaan.

Rajah 14: Penandaarasan Dengan Negara-negara Teratas* dalam Indeks Global

* Negara-negara yang dipilih berada pada kedudukan 10 teratas dalam sekurang-kurangnya 4 indeks

Kedudukan Negara mengikut Indeks							
Kedudukan dalam Indeks Daya Saing Global (GCI) 2019 / 141	2	4	9	5	10	8	27
Kedudukan dalam Indeks Keusahawanan Global (GEI) 2019 / 131 (dihentikan)	1	8	5	2	4	10	43
Kedudukan dalam Indeks Ekonomi Platform Digital (DPE) 2020 / 116 (Menggantikan GEI)	1	3	2	6	10	5	36
Kedudukan dalam Indeks Inovasi Global (GII) 2021 / 131	2	5	4	1	6	3	36
Kedudukan dalam Indeks Menjalankan Perniagaan (DB) 2020 / 190 (Ditamatkan)	6	42	8	36	4	10	12


Sumber: GCI, GEI, GII, DB Index, DPE Index



Pelaksanaan Program Perolehan Awam Khusus Bagi PMKS

Pentadbiran Perniagaan Kecil (SBA) di Amerika Syarikat merupakan sebahagian daripada Akta Perniagaan Kecil, berperanan dalam mewujudkan **sasaran khusus untuk PMKS berkaitan kontrak Persekutuan** termasuk menyelaras usaha antara agensi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Untuk memenuhi sasaran tersebut, program khusus yang menyediakan latihan dan bantuan teknikal telah diberikan kepada PMKS yang berpotensi untuk mengambil bahagian dalam perolehan kontrak Kerajaan. Ini bertujuan untuk memberikan peratusan tertentu daripada jumlah nilai kontrak Persekutuan kepada PMKS dapat dicapai secara konsisten. Kejayaan Amerika Syarikat telah membuktikan bahawa kewujudan program khusus boleh menawarkan peluang yang besar kepada PMKS yang mengambil bahagian untuk berinovasi, meningkatkan daya saing dan mewujudkan pekerjaan.


Walaupun Malaysia telah memberi keutamaan kepada PMKS, namun **tiada sasaran berkaitan perolehan Kerajaan yang ditetapkan**. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk **mengenal pasti ruang bagi mewujudkan program kontrak seperti ini yang bertujuan untuk membangunkan PMKS daripada kumpulan fokus tertentu**.



Menyediakan Akses kepada Sumber Pembelajaran Interaktif dan Latihan

SBA Amerika Syarikat memberi penekanan terhadap ketersediaan sumber pembelajaran sebagai inisiatif utama dan menubuhkan platform pembelajaran dalam talian. Platform tersebut merupakan **pusat pembelajaran interaktif** mengandungi kursus, maklumat dan peralatan untuk perniagaan kecil. Usaha berterusan untuk mengemas kini, mengembangkan dan meningkatkan kandungan platform pembelajaran diberi tumpuan menerusi perkongsian kursus dan kerjasama dengan sektor swasta seperti Amazon dan Microsoft.

Konsep ini boleh diterokai oleh Malaysia dengan memanfaatkan sumber sedia ada. Kandungan pembelajaran dan kaedah penyampaianya boleh disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran PMKS tempatan berdasarkan saiz dan industri.



Peruntukan Mandatori Oleh Kerajaan Untuk Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Berasaskan Keperluan

Usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam landskap PMKS di Amerika Syarikat masih diterajui oleh Program Penyelidikan Inovasi Perniagaan Kecil (SBIR), yang ditubuhkan pada tahun 1977 dan Program Pemindahan Teknologi Perniagaan Kecil (STTR) yang ditubuhkan pada tahun 1992. Di bawah program-program ini, **setiap agensi Persekutuan dengan peruntukan R&D luaran melebihi USD 100 juta diwajibkan dari segi undang-undang untuk mewujudkan program SBIR**. Setiap tahun, lebih USD 2.5 bilion telah diberikan dalam bentuk bantuan sama ada dalam geran atau kontrak yang diberikan kepada PMKS. Struktur SBIR dan STTR membolehkan tumpuan diberikan kepada sektor tertentu kerana setiap topik ditentukan oleh setiap agensi **berdasarkan keperluan dan keutamaan Kerajaan Persekutuan dalam bidang R&D**. Sehingga tahun 2018, program SBIR dan STTR telah menghasilkan 70,000 paten, mewujudkan hampir 700 buah syarikat awam dan menjana kira-kira USD 41 bilion dalam pelaburan modal teroka.

Dalam konteks Malaysia, mekanisme sedemikian tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan segera lantaran wujudnya kekurangan dari segi ketiadaan penetapan objektif R&D negara dan proses belanjawan sedia ada iaitu peruntukan belanjawan kebanyakannya berdasarkan program yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh **diteliti dengan lebih lanjut dalam jangka masa panjang** kerana Malaysia mempunyai rancangan untuk menambah baik struktur tadbir urus ekosistem R&D&C&I negara.



Pewujudan Pasukan Petugas Dan Tatakelakuan Bagi Memastikan Amalan Perdagangan Yang Saksama Dalam Persekitaran Perniagaan Digital

Perjanjian Gabungan 2017 telah menuntut Pihak Berkuasa Belanda bagi Pengguna dan Pasaran (ACM) telah menubuhkan **pasukan pakar untuk menangani isu persaingan digital**, di mana amalan perdagangan yang tidak adil dalam persekitaran digital boleh dikenakan tindakan yang lebih berkesan dan bersasar. Hasilnya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk siasatan terhadap aplikasi algoritma dalam ekonomi digital, penerbitan “Rules Of Thumb For Online Platform” dan pelbagai inisiatif lain. Inisiatif-inisiatif ini menyumbang kepada pengagihan kebajikan yang saksama antara syarikat-syarikat besar dan kecil serta mencegah monopoli oleh syarikat gergasi digital. Di samping itu, Persatuan Kebangsaan E-dagang di Belanda (thuiswinkel.org) merupakan antara ahli yang mengambil bahagian dalam **E-commerce Europe Trustmark Code of Conduct**. Kod tatakelakuan ini diterima pakai oleh lebih daripada 10,000 perniagaan dalam talian di seluruh Eropah yang telah dirangka untuk melindungi pengguna dalam talian daripada amalan perdagangan yang tidak adil atau menyalahi undang-undang.

Di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mewujudkan Bahagian Industri Perkhidmatan untuk mengawal selia pembangunan industri e-dagang. Bagi terus menyokong penggubalan persekitaran perniagaan digital yang kompetitif, **kod tatakelakuan komprehensif dan seragam** yang menggabungkan amalan terbaik dan peraturan berkaitan pendigitalan PMKS boleh dipertimbangkan.



Penambahbaikan Akses Kepada Pelabuhan

Belanda terkenal dengan infrastruktur bertaraf dunia dan menduduki tempat kedua bagi kualiti infrastruktur jalan raya dan kecekapan perkhidmatan pelabuhan dalam GCI 2019. Salah satu inisiatif penting yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah Projek Pemindahan Kontena yang dibina di pedalaman iaitu di Pelabuhan Rotterdam. Ini membolehkan pengangkutan kontena secara pukal untuk laluan dari terminal menerusi jalan air dan bukannya lebuhraya yang amat berkesan dalam meningkatkan kecekapan pengangkutan kargo di samping menjimatkan masa dan sumber.

Walaupun Malaysia telah mempunyai rancangan terperinci untuk meningkatkan lagi infrastruktur utama yang penting dalam menyokong aktiviti perdagangan, amalan inovatif seperti Kontena Belanda boleh diterokai dengan lebih lanjut.



Pewujudan Rangka Kerja Undang-undang Transaksi Bercagar Disatukan Dan Daftar Cagaran Aset Alih

Kedudukan Brunei bagi komponen "Getting Credit" telah melonjak dari kedudukan ke-79 pada tahun 2016 ke tempat pertama pada tahun 2020 bersama New Zealand. Ini merupakan kesan daripada perubahan yang dibuat dalam persekitaran kawal selia bagi akses kewangan. Pembaharuan yang penting **adalah enakmen Perintah Transaksi Bercagar dan pewujudan daftar cagaran aset alih** yang membolehkan **usahawan dan PMKS memanfaatkan aset alih seperti mesin, peralatan, kenderaan dan inventori untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan**. Oleh itu, PMKS kini menghadapi rintangan yang lebih rendah dalam memperoleh pembiayaan yang diperlukan.

Demikian juga, Malaysia sedang dalam usaha memperkenalkan Rang Undang-Undang Faedah Bercagar Aset Alih (MPSI) dan perlu turut memberi **keutamaan kepada pewujudan daftar cagaran aset alih**. Berdasarkan pengalaman Brunei dalam pelaksanaannya, langkah-langkah ini telah membantu PMKS dari segi menyediakan lebih banyak pilihan untuk mendapatkan pinjaman bercagar dan pada masa yang sama melindungi kepentingan pemiutang.

Kesimpulan

Definisi PMKS semasa telah mantap dan setanding dengan negara-negara maju dari segi parameter kualitatif. Definisi PMKS merupakan adalah penting dalam mengenal pasti kumpulan sasaran bagi pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Manakala rangka kerja tadbir urus sedia ada mewujudkan sinergi antara pemegang taruh utama iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Komitmen kerajaan untuk membangunkan PMKS diperkukuhkan melalui pelaksanaan Pelan Induk PMKS yang diperkenalkan pada tahun 2012.

Pencapaian PMKS berdasarkan data makroekonomi menunjukkan bahawa PMKS di Malaysia terjejas dengan teruk akibat pandemik COVID-19 serta menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang perlahan dan kurangnya daya tahan PMKS sekiranya berlaku gangguan luar jangka.

Berdasarkan penilaian yang dibuat ke atas pencapaian PMKS mengikut sektor, jelas dapat dilihat cabaran yang berlaku hanya dalam sektor-sektor tertentu yang menyebabkan wujudnya keperluan dasar yang bersesuaian dan intervensi bersasar.

Berdasarkan kedudukan Malaysia dalam indeks global seperti GCI, DPI dan GII serta pemerhatian terhadap amalan terbaik negara-negara yang terpilih, terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Antaranya menambahbaik urusan perolehan Kerajaan bagi PMKS, mewujudkan Rang Undang-Undang Faedah Bercagar Aset Alih (MPSI) serta mewujudkan daftar cagaran aset alih berpusat. Selain daripada memahami landskap PMKS, adalah penting untuk mengenal pasti pencapaian program terdahulu serta inisiatif-inisiatif utama yang sedang dilaksanakan. Ini akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai keberkesanan program dan inisiatif yang telah dilaksanakan.

BAB 3:
Inisiatif dan Pencapaian
Program Pembangunan
PMKS

Pengenalan

Penilaian yang dibuat ke atas landskap keusahawanan di Malaysia menunjukkan komitmen padu oleh Kerajaan Malaysia dalam membangunkan PMKS. Menerusi usaha secara kolaborasi dengan pihak berkepentingan termasuk sektor swasta, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif bersasar meliputi pelbagai aspek dalam ekosistem PMKS seperti keadaan pasaran, modal insan, kewangan, inovasi, tadbir urus dan infrastruktur. Inisiatif ini menyokong pembangunan PMKS dengan menyediakan sumber-sumber yang diperlukan dan persekitaran yang kondusif bagi perkembangannya.

Malaysia juga telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus yang kukuh untuk menggalakkan pembangunan dan peningkatan daya saing PMKS. Rangka kerja tadbir urus ini dapat memastikan penetapan tanggungjawab dan penyelarasan yang berkesan bagi dasar dan program berkaitan PMKS.

Walaupun Malaysia telah mencatat pencapaian yang signifikan dalam memberi sokongan kepada PMKS, masih terdapat ruang penambahbaikan dalam inisiatif yang dilaksanakan bagi menyesuaikan dengan landskap perniagaan yang berubah-ubah. Dengan mengenal pasti penambahbaikan tersebut, Malaysia dapat mengoptimumkan pelaksanaan inisiatif keusahawanan dan memenuhi keperluan PMKS.

3.1 Inisiatif Utama

Kerajaan secara konsisten memberi keutamaan kepada pelaksanaan program-program yang berupaya meningkatkan pertumbuhan PMKS. Langkah-langkah yang komprehensif telah dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan PMKS dengan mengambil kira aspek-aspek penting dalam ekosistem iaitu keadaan pasaran, modal insan, kewangan, inovasi, infrastruktur dan tadbir urus. Beberapa inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1

Membuka peluang pasaran kepada PMKS dalam mengembangkan perniagaan



Meningkatkan pengetahuan dan peluang untuk menembusi pasaran tempatan dan asing

Objektif: PMKS dilengkapi dengan peralatan diperlukan dan diberi peluang untuk membentuk jaringan pasaran tempatan serta pasaran asing untuk mengambil bahagian dalam ekonomi

Inisiatif Utama: Program Pembangunan Vendor, SME Go Global, PRESTIGE



Melaksanakan inisiatif pemecutan pertumbuhan PMKS dan pembiayaan

Objektif: PMKS dalam sektor pertumbuhan tinggi mempunyai akses kepada bantuan luaran bagi mempercepatkan pertumbuhan

Inisiatif Utama: Program Pelaburan PKS (SIP), InvestKL

2

Menyediakan akses kepada pembangunan kapasiti untuk PMKS bagi meningkatkan kemahiran



Membangunkan dan memupuk kemahiran keusahawanan

Objektif: PMKS dilengkapi dengan kemahiran untuk membangunkan dan mengembangkan perniagaan dengan mampan

Inisiatif Utama: Program Latihan Perniagaan INSKEN (Business Training & Scale Up Program), Program eUsahawan, Program New Gen Entrepreneurs Online Bootcamp (N-GENE), Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)



Menubuhkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)

Objektif: PMKS dapat meningkatkan tenaga kerja yang menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan

Inisiatif Utama: Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) untuk menyokong majikan dalam pembangunan tenaga kerja

3

Menyediakan akses kepada pembiayaan di sepanjang kitaran hayat perniagaan



Membangunkan ekosistem pembiayaan PMKS yang holistik

Objektif: PMKS mempunyai akses kepada pembiayaan tradisional dan dilengkapi dengan keupayaan kewangan untuk meningkatkan kepercayaan kredit

Inisiatif Utama: Institusi Kewangan Pembangunan (DFI), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), iPMKS, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), TEKUN Nasional (TEKUN)



Meningkatkan akses kepada pasaran pinjaman ECF, P2P dan platform FinTech

Objektif: PMKS dapat mencapai pelbagai pilihan instrumen kewangan alternatif

Inisiatif Utama: Malaysia Co-Invest Fund (MCIF), e-Berkat Marketplace

4

Menyediakan akses kepada pengetahuan dan sokongan untuk aktiviti R&D bagi menggalakkan inovasi



Melaksanakan program pemecut bagi PMKS yang inovatif dan berpotensi

Objektif: PMKS dengan potensi pertumbuhan tinggi mendapat bimbingan khusus serta dipercepatkan
Inisiatif Utama: Program Pemecut Global (*Global Accelerator Programme*)



Menggalakkan perkongsian awam-swasta dalam menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I)

Objektif: PMKS mempunyai akses kepada sumber dana untuk menjalankan inisiatif R&D&C&I
Inisiatif Utama: Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta 2.0 (PPRN 2.0)

5

Mewujudkan persekitaran perniagaan yang mesra PMKS



Menambah baik peraturan pematuhan perniagaan untuk PMKS

Objektif: PMKS mempunyai masa yang lebih produktif, penggunaan sumber yang lebih baik dan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk pertumbuhan ekonomi
Inisiatif Utama: Program Portal MalaysiaBiz, MalaysiaMudah (#MyMudah)



Mewujudkan persekitaran perniagaan digital yang lebih telus

Objektif: : PMKS digital mampu meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perniagaan dalam talian sekali gus meningkatkan prospek perniagaannya
Inisiatif Utama: Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan 2016, program SSM Biz Trust

6

Menyediakan infrastruktur untuk membantu pertumbuhan dan pembangunan perniagaan



Menambah baik infrastruktur digital

Objektif: PMKS mempunyai akses yang lebih baik kepada maklumat dan alat untuk menarik pelanggan dan menembusi pasaran baru serta melaksanakan pemasaran secara digital

Inisiatif Utama: Jalinan Digital Negara (JENDELA), Malaysia Cyber Security Strategy (MCSS) 2020 – 2024



Meningkatkan infrastruktur bukan digital

Objektif: PMKS kurang menghadapi gangguan operasi perniagaan secara tiba-tiba

Inisiatif Utama: Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang (GKL/KV), projek rangkaian transmisi Southern Link, Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040)

7

Meningkatkan akses PMKS kepada maklumat dan bimbingan khusus berkaitan perniagaan



Membangunkan Platform Sehenti Untuk Maklumat dan Perundingan

Objektif: PMKS mempunyai akses mudah kepada maklumat diperlukan untuk sokongan perniagaan

Inisiatif Utama: UpskillMalaysia, laman web SMEinfo, platform MyAssist MSME



Menyediakan bimbingan khusus dengan kolaborasi sektor swasta

Objektif: PMKS mendapat bimbingan khusus dalam bidang pengetahuan tertentu


Inisiatif Utama: Program SIRIM-Fraunhofer

3.2 Pencapaian dan Impak Inisiatif yang telah Dilaksanakan

Inisiatif-inisiatif yang telah dinyatakan dapat memberi gambaran ringkas tentang usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyokong pembangunan PMKS. Justeru, bagi memahami dengan lebih jelas mengenai skala dan impak inisiatif-inisiatif tersebut, adalah penting untuk meneliti pencapaian dan impak daripada inisiatif yang telah dilaksanakan.

Dalam tempoh tujuh tahun lepas, Kerajaan secara konsisten memperuntukkan sumber kewangan untuk memperkasakan PMKS. Seperti yang dilihat dalam Rajah 15, secara puratanya sebanyak RM8 juta atau lebih telah dilaburkan setiap tahun. Komitmen yang konsisten ini membuktikan kesungguhan Kerajaan untuk membangunkan PMKS dengan mampan dalam tempoh jangka panjang.

Rajah 15: Jumlah Perbelanjaan dan Penerima Manfaat bagi Program Pembangunan Keusahawanan dan PMKS



Tahun 2020 telah menunjukkan peningkatan peruntukan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebanyak RM14.56 juta telah diperuntukkan bagi memulihkan ekonomi serta memberi sokongan kepada PMKS yang berdepan dengan pandemik COVID-19.

Selain itu, program-program yang dilaksanakan juga telah **memberi impak positif** terhadap PMKS di Malaysia. Sekiranya berlakunya gangguan luar jangka, bantuan daripada Kerajaan adalah amat penting dalam memberikan sokongan kepada PMKS untuk berkembang dan menjadi mampan.

Impak inisiatif tersebut dinilai menggunakan SMEIPA yang terdiri daripada enam Penunjuk Prestasi Utama (KPI). Analisis markah KPI dari tahun 2015 sehingga 2019 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16 menunjukkan program yang dilaksanakan telah **mencapai lebih daripada sasarannya** dalam tempoh ini. Purata peratusan tahunan secara konsistennya melebihi 80% yang menunjukkan inisiatif ini telah mencapai sasaran dan hasil yang diinginkan.

Sungguhpun begitu, purata peratusan tahunan menurun pada tahun 2020 susulan impak pandemik COVID-19 yang mengakibatkan gangguan kepada operasi perniagaan sehingga ada PMKS yang terpaksa menutup perniagaan. Pada tahun 2021, kesan pemulihan dapat dilihat khususnya dalam pencapaian bagi penunjuk Firma Pertumbuhan Tinggi dan Berinovasi (HGIF) dan Produktiviti dan Kecekapan (IPE). Pemulihan ini berikutan tumpuan yang diberi oleh Kerajaan terhadap pendigitalan dan inisiatif e-dagang yang dilaksanakan pada tahun 2019 dan 2020 setelah berlakunya anjakan kepada pendigitalan.

Sebaliknya, penunjuk Kestabilan Perniagaan (BS), Pembentukan dan Pemformalan Perniagaan (IBF) dan Peningkatan Keuntungan (IP) tidak menunjukkan trend pemulihan yang serupa berbanding penunjuk-penunjuk lain. Pencapaian penunjuk BS berkemungkinan disebabkan oleh ekonomi gig yang semakin menyerlah semasa pandemik dan menyumbang kepada sektor tidak formal. Pemerhatian daripada penunjuk BS dan IP juga mengesyorkan inisiatif sedia ada mungkin tidak memadai dalam menyokong PMKS supaya kekal berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pelaporan SMEIPA dilaksanakan secara sukarela oleh kementerian dan agensi menyebabkan sebahagian pelaksanaan program pembangunan PMKS tidak dilaporkan. Perkara ini menjejaskan penilaian prestasi keseluruhan program pembangunan PMKS. Oleh itu, **pelaporan SMEIPA perlu diwajibkan** ke atas semua pelaksana program untuk mempertingkatkan keberkesanan dan mengukur keberhasilan program pembangunan PMKS.

Rajah 16: Pencapaian Kementerian dan Agensi 2015 – 2022

Penunjuk Prestasi Utama	TAHUN / %							
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Firma Pertumbuhan Tinggi dan Berinovasi (HGIF)	95.4	87.5	87.6	82.3	76.8	80.8	81.7	88.8
Produktiviti dan Kecekapan (IPE)	92.9	83.3	82.5	84.1	86.6	78.3	86.3	89.5
Kestabilan Perniagaan (BS)	90.5	81.6	82.1	87.5	82.3	74.6	77.9	88.1
Pembentukan dan Pemformalan Perniagaan (IBF)	93.8	81.2	80.2	92.6	84.8	68.8	71.8	85.1
Peningkatan Keuntungan (IP)	88.9	85.4	82.1	88.8	88.3	76.5	79.0	89.2
Pewujudan Pekerja Baru (NEC)	93.9	80.4	81.2	90.8	81.4	71.9	83.2	92.8
Purata Tahunan Keseluruhan %	92.6	83.1	82.4	87.3	84.4	75.7	79.8	88.5

Kesimpulan

Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk membangunkan PMKS melalui penyediaan peruntukan yang signifikan pada setiap tahun. Peningkatan jumlah peruntukan yang disediakan pada tahun 2020 memperlihatkan usaha proaktif Kerajaan untuk menyokong PMKS semasa menghadapi pandemik COVID-19.

Penilaian enam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) melalui SMEIPA merupakan mekanisma yang berkesan untuk menilai pelaksanaan inisiatif pembangunan PMKS. Analisis prestasi pada tahun 2015 hingga 2019 merekodkan pencapaian melepasi 80% secara konsisten. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan prestasi pada tahun 2020 serta kadar pemulihan yang rendah bagi KPI-KPI tertentu dari tahun 2020 hingga 2021 menunjukkan terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Antara ruang penambahbaikan termasuklah dari segi mengurangkan halangan berkaitan penubuhan perniagaan dan mempertingkatkan minda dan keupayaan PMKS agar lebih berdaya tahan dan berdaya saing dalam tempoh jangka panjang.

Walaupun SMEIPA memberi maklumat yang bermakna tentang impak program pembangunan PMKS, terdapat kekangan utama kerana pelaporan oleh kementerian dan agensi dibuat secara sukarela. Bagi mempertingkatkan keberkesanannya, SMEIPA boleh ditambah baik bagi memastikan penilaian keberhasilan yang komprehensif serta pengesanan dan pemantauan yang lebih baik ke atas semua program pembangunan PMKS.

Pada masa akan datang, adalah amat penting bagi Kerajaan Malaysia untuk terus memberi keutamaan terhadap pembangunan dan kemampanan PMKS. Dengan menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PMKS dan memanfaatkan pencapaian inisiatif sedia ada, Kerajaan boleh mewujudkan persekitaran yang terus menyokong PMKS untuk berkembang agar dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

BAB 4:
**Cabaran Utama yang
Dihadapi oleh PMKS**

Pengenalan

Landskap global yang kian berkembang dan impak yang ketara akibat daripada pandemik COVID-19 menyebabkan PMKS berdepan dengan pelbagai cabaran. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji semula ciri-ciri dan struktur semasa PMKS di Malaysia untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang cabaran-cabaran utama yang mempengaruhi prestasinya.

Analisis terperinci dijalankan untuk mengenal pasti jurang dan memberi pemahaman mendalam mengenai cabaran khusus yang harus ditangani dalam menyokong pertumbuhan dan daya tahan PMKS.

Selain itu, aspek tadbir urus dan proses pelaksanaan program pembangunan PMKS juga perlu disemak bagi merangka dasar yang lebih berkesan untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan inisiatif pembangunan PMKS.

4.1 Cabaran-cabaran yang Memberi Kesan ke atas Prestasi PMKS

Pasca pandemik COVID-19, prestasi PMKS dari segi makroekonomi telah bertambah baik mulai tahun 2021, namun pemulihannya masih perlahan didorong oleh ciri-ciri PMKS seperti berikut:

1 PMKS sangat terdedah kepada risiko luaran

Trend data makroekonomi seperti sumbangan PMKS kepada KDNK, guna tenaga, eksport dan produktiviti buruh menunjukkan bahawa PMKS terjejas dengan lebih ketara lantaran pandemik COVID-19. Selain itu, prestasi ekonomi PMKS pada tahun 2021 menunjukkan bahawa ia kurang daya pemulihan dan pulih pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan pencapaian sebelum pandemik.


2 Perusahaan Mikro Mendominasi Jumlah PMKS

Perusahaan mikro dengan kurang daripada lima pekerja mendominasi jumlah keseluruhan populasi PMKS iaitu sebanyak 79%. Perkara ini menunjukkan bahawa kebanyakan PMKS di Malaysia beroperasi pada skala kecil dan cenderung untuk fokus kepada aktiviti ekonomi bernilai rendah. Akibatnya, perusahaan ini lebih terdedah kepada faktor-faktor luaran dan menghadapi kekangan dalaman yang menghalang proses pemulihannya daripada 40 kemelesetan ekonomi. Oleh itu, adalah penting untuk menangani cabaran-cabaran khusus yang dihadapi oleh perusahaan mikro, selaras dengan jumlahnya yang lebih banyak berbanding perusahaan yang lain.

3 Sumbangan PMKS Masih Terkebelakang Berbanding Di Negara-negara Maju

Secara umumnya, PMKS merupakan 95% daripada jumlah keseluruhan perniagaan di negara-negara membangun dan negara-negara maju, ini menunjukkan kepentingan PMKS di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, sumbangan PMKS kepada KDNK di Malaysia dan nilai eksport masih lebih rendah berbanding di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Singapura, United Kingdom (UK), dan Kanada seperti dalam Rajah 17. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan untuk mewujudkan lebih banyak inisiatif bagi **membantu PMKS membentuk jaringan pasaran tempatan dan antarabangsa.**

Rajah 17: Perbandingan Sumbangan PMKS kepada Ekonomi



Ketiga-tiga ciri struktur PMKS tersebut merupakan kesan daripada dua faktor utama iaitu kurangnya produktiviti dan daya saing PMKS. Kadar pertumbuhan tahunan bagi produktiviti yang semakin menurun sejak tahun 2018 sehingga tahun 2021 menunjukkan bahawa PMKS di Malaysia tidak melabur secukupnya dalam teknologi.

Sebaliknya, pengeluaran PMKS lebih bergantung kepada tenaga buruh kerana akses yang terhad kepada sumber dalaman dan pengetahuan. Akibatnya, PMKS tidak dapat meningkatkan skala dengan mudah dan menyertai aktiviti bernilai tambah tinggi. Kekangan ini bererti kebanyakan PMKS tidak dapat beradaptasi ketika pelaksanaan pendigitalan di seluruh dunia berlaku semasa pandemik COVID-19.

Dari segi daya saing, kebanyakan PMKS di Malaysia merupakan usahawan berteraskan keperluan berbanding usahawan yang didorong oleh peluang atau inovasi. Situasi demikian mengakibatkan PMKS tidak berani mengambil risiko untuk mengembangkan perniagaan. Sebaliknya, bagi PMKS yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka, landskap perniagaan memerlukan dasar yang bersasar dan mesra PMKS. Sebagai contoh, dasar untuk perusahaan mikro perlu mempunyai elemen bimbingan bagi memastikan keberkesannya memandangkan kapasiti dan kemampuan perusahaan mikro yang terhad.

Faktor-faktor Penyumbang Utama Kepada Kekurangan Daya Tahan PMKS Di Malaysia



Kurang Produktiviti

- Kebanyakan PMKS kurang melabur dalam teknologi dan lebih bergantung kepada tenaga buruh
- Situasi sebegini menghalang PMKS untuk meningkatkan skala dengan mudah dan menyertai aktiviti bernilai tinggi



Kurang Daya Saing

- Kebanyakan PMKS adalah usahawan yang berteraskan keperluan berbanding usahawan yang didorong oleh peluang atau inovasi
- Kesannya, PMKS kurang bersedia untuk mengambil risiko yang membolehkannya berkembang

4.1.1 Jurang Bagi Cabaran yang Dikenal Pasti

Bagi menangani dua cabaran utama yang dihadapi oleh PMKS di Malaysia, pemahaman komprehensif berkenaan jurang cabaran adalah amat penting. Dengan itu, langkah-langkah bersasar boleh dirangka untuk memenuhi keperluan PMKS.

1. Jurang Yang Menyebabkan Kekurangan Produktiviti Dalam PMKS

A

PMKS Mempunyai Akses Yang Terhad Kepada Sumber Dalaman Yang Diperlukan Untuk Berinovasi



Kekurangan cara berfikir yang kondusif dan akses kepada pengetahuan bagi menggalakkan inovasi dalam kalangan PMKS

Dalam konsep keusahawanan, sebahagian besar daripada populasi PMKS ialah usahawan mikro yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan di kawasan pedalaman. Kesannya, kebanyakan PMKS **memberi keutamaan kepada matlamat jangka pendek dan tidak mengambil kira keperluan pelaburan untuk berinovasi** yang dapat menghasikan manfaat jangka panjang.

Selain itu, akses kepada pengetahuan memainkan peranan penting dalam berinovasi. Bagi membolehkan PMKS menerima perubahan, kerjasama dalam menyelesaikan sebarang masalah beserta bimbingan oleh ahli akademik atau pakar industri¹ adalah diperlukan. Sungguhpun begitu, ketiadaan budaya berkongsi pengetahuan menghalang proses ini sekiranya terdapat kos tambahan yang perlu dibelanjakan oleh PMKS.



PMKS menghadapi kesukaran dalam membina keupayaan untuk memacu inovasi termasuk melaksanakan aktiviti R&D dalam perniagaan

PMKS berdepan cabaran dalam membangunkan keupayaan dalaman untuk menyokong pelaksanaan inovasi, khususnya dari segi **modal insan** dan **kewangan**. Dari aspek modal insan, separuh daripada PMKS² dalam tinjauan yang dibuat didapati **kekurangan kemahiran** dan **bakat digital**. Keadaan lebih sukar apabila kurangnya minda berteraskan pertumbuhan menyebabkan PMKS enggan untuk melabur dalam pembangunan tenaga kerja. Manakala dari segi kewangan, PMKS berdepan dengan liabiliti kewangan bagi membiaya pendigitalan jangka panjang dan tidak mampu menanggung kos aktiviti R&D yang berisiko. Situasi demikian menyebabkan kebergantungan yang tinggi kepada geran dan PPPs³. Walau bagaimanapun, PMKS tidak menggunakan sepenuhnya fasilitasi yang disediakan kerana tidak mempunyai maklumat yang secukupnya.

¹ Key Economic Sectors in Malaysia Phase III (MYKE III)

² The Malaysia Digital SME Study

³ Inisiatif kerjasama awam swasta seperti I PPRN oleh KPT

B**PMKS menghadapi cabaran dari segi faktor sokongan luaran untuk pendigitalan di Malaysia****PMKS menghadapi cabaran dari segi ketersambungan dan kualiti Internet**

Malaysia masih menambah baik ketersambungan rangkaian jalur lebar terutamanya di kawasan pedalaman walaupun telah membuat banyak pelaburan. Data tinjauan DOSM menunjukkan hanya 83.9% daripada isi rumah luar bandar mempunyai akses internet berbanding 93.5% isi rumah bandar⁴ pada tahun 2020. Perbezaan ini mengakibatkan PMKS di luar bandar berisiko untuk ketinggalan dalam ekonomi digital.

Seterusnya, **kualiti rangkaian masih lagi menjadi cabaran utama**. Pada tahun 2021, Malaysia menduduki tempat ke-82 daripada 138 negara dalam Indeks Global Speedtest bagi kelajuan jalur lebar mudah alih, menjadikannya ketinggalan berbanding negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Filipina. Dari segi kelajuan jalur lebar tetap pula, Malaysia menduduki tempat ke-3 dalam kalangan negara Asia Tenggara iaitu lebih rendah daripada Thailand dan Singapura yang mempunyai kelajuan muat turun lebih daripada dua kali ganda. Di samping itu, menurut Laporan Prestasi Industri Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 79% daripada aduan adalah berkaitan perkhidmatan telekomunikasi manakala 93% daripada aduan tersebut adalah masalah rangkaian. Perkara ini menunjukkan terdapatnya keperluan untuk meningkatkan infrastruktur rangkaian dan kualiti perkhidmatan.

**PMKS Beroperasi Dalam Pasaran Digital Yang Kurang Diyakini Oleh Pengguna**

Trend peningkatan dalam penipuan e-dagang boleh menunjukkan terdapat 8,162 kes penipuan e-dagang dengan kerugian mencecah RM57.7 juta dilaporkan antara Januari hingga Oktober 2021. Peningkatan sebanyak 146% berbanding pada tahun 2018 seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman. Bagi menangani trend yang semakin meningkat ini, amat penting bagi PMKS mempunyai **perlindungan keselamatan siber yang lebih rapi**. Melaksanakan kod kelakuan yang seragam berdasarkan amalan terbaik juga dapat membantu menangani pemalsuan dan memastikan transaksi digital yang selamat.

⁴ 4 Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Survei Penggunaan Capaian ICT, 2020

2. Jurang Yang Menyebabkan Kekurangana Daya Saing Dalam PMKS

A

PMKS berdepan kesukaran dalam membentuk jaringan pasaran



PMKS mempunyai akses yang terhad kepada peluang perdagangan

PMKS berdepan pelbagai cabaran berkaitan **akses kepada pengetahuan, kemahiran dan kos untuk menyertai aktiviti perdagangan tempatan dan antarabangsa**. Dari segi akses kepada pengetahuan, tinjauan pada tahun 2019 menunjukkan hanya jumlah yang kecil sahaja iaitu 13.3% daripada PMKS telah dapat menembusi pasaran antarabangsa. Tambahan pula, hanya 20% daripada produknya telah dijual di luar negara. Perkara yang paling dibimbangi oleh PMKS adalah kekurangan dalam pengetahuan berkaitan pesaing dan juga keadaan pasaran. Bagi pasaran tempatan, persaingan yang semakin meningkat adalah kekangan utama bagi pertumbuhan PMKS.⁵

Selain itu, terdapat keperluan mendesak untuk PMKS mempertingkatkan kemahiran khususnya dalam **pemasaran dan promosi**. Usaha ini membolehkan PMKS menceburi pasaran tempatan dan antarabangsa, khususnya dalam konteks ekonomi digital yang kian berkembang. Tambahan pula, kekangan utama yang kerap dihadapi oleh PMKS adalah **kos eksport yang tinggi** dan ia menjejaskan potensi untuk menjalankan aktiviti eksport. Kos ini telah dikenal pasti oleh PMKS sebagai penghalang utama kepada kejayaannya dalam pasaran eksport.

⁵ SME Corp. (2019). Laporan Tahunan PKS 18/19. SME Corporation. <https://www.smeinfo.com.my/sme-annual-report-2018-2019>

B**PMKS berdepan kekangan dalam aspek modal insan dan kewangan****Kurangnya minda berteraskan pertumbuhan di kalangan PMKS**

Meskipun Malaysia berada di kedudukan ke-34 daripada 137 negara berpandukan sub-indeks sikap keusahawanan di dalam Indeks Keusahawanan Global pada tahun 2019. Analisis yang lebih teliti menunjukkan bahawa Malaysia berada pada tempat ke-63 daripada 137 negara dari aspek **kemahiran untuk pemula**. Pemerhatian tersebut telah menunjukkan perkara utama yang perlu dipertingkatkan adalah **semangat keusahawanan, kemahiran dan minda keusahawanan** dengan bermula di peringkat pendidikan formal sehingga ketika berada dalam kalangan PMKS. Walau bagaimanapun, akses kepada bimbingan dan sokongan pementoran terutamanya yang melibatkan bimbingan rapi masih perlu ditambah baik.

**PMKS mempunyai akses yang terhad kepada sumber dalaman untuk pertumbuhan yang konsisten**

PMKS berdepan dengan kekangan dalaman khususnya dari sudut **modal insan** dan **kewangan** dalam **memulakan inisiatif**. Dari segi modal insan, PMKS di negara ini terpaksa mengambil pekerja berkemahiran dari negara lain atau bergantung kepada buruh kurang berkemahiran yang kemungkinan akan melambatkan potensi pertumbuhan. Dua sebab utama iaitu jurang kemahiran dan jurang gaji. Jurang kemahiran adalah disebabkan oleh ketidakpadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh PMKS dan kemahiran sedia ada yang ada pada tenaga kerja. Tambahan pula, PMKS kurang berkemampuan dari segi kewangan untuk memenuhi permintaan gaji oleh tenaga buruh berkemahiran di negara ini.

Dari sudut kewangan, masih ada **jurang dari segi maklumat dan pengetahuan** untuk PMKS mendapatkan kemudahan pembiayaan atau geran-geran sedia ada oleh Kerajaan. Perusahaan mikro secara khususnya tidak dapat memenuhi keperluan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan atau tidak menyedari tentangnya. Walaupun pembiayaan alternatif berpotensi menjadi penyelesaian, **sumber pembiayaan alternatif ini masih tidak diketahui oleh PMKS**. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil pendekatan holistik dalam meningkatkan kesedaran PMKS tentang ketersediaan sumber-sumber sedia ada untuk mengukuhkan perniagaan.

B**PMKS berdepan kekangan dalam aspek modal insan dan kewangan****PMKS ketiadaan sumber yang mencukupi untuk pulih daripada kejadian luar jangka**

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan kebimbangan tentang kesinambungan perniagaan dan kemampuan PMKS khususnya dalam kalangan kumpulan fokus khas.* Menurut Jabatan Statistik Malaysia, sebahagian besar daripada perniagaan bergantung kepada wang simpanan sendiri sebagai sumber kewangan utama semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesannya, masih terdapat keperluan untuk akses kemudahan pembiayaan terutamanya bagi PMKS daripada sektor Perkhidmatan untuk menampung keperluan kewangan dalam tempoh jangka masa pendek. Sebagai contoh, kejadian banjir besar yang melanda beberapa negeri di Malaysia telah menunjukkan **kepentingan perlindungan insurans perniagaan** sekiranya berlaku bencana alam. Sehingga tahun 2018, lebih daripada 85% PMKS di Malaysia tidak mempunyai perlindungan insurans. Demikian, PMKS berisiko tinggi sekiranya kejadian luar jangka seperti banjir mahupun kebakaran yang boleh menyebabkan kerosakan besar itu berlaku lagi.

*Kumpulan fokus khas termasuk Bumiputera, Belia (bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang asli

C

PMKS menghadapi kekangan berkaitan faktor sokongan luaran dalam persekitaran perniagaan**PMKS berdepan kekurangan dari segi infrastruktur fizikal**

Dengan peningkatan penggunaan e-dagang, terdapat keperluan untuk menambah baik **ketersambungan jalan raya di kawasan luar bandar dan bandar**. Kawasan luar bandar menghadapi masalah jalan yang belum dinaik taraf manakala kesesakan jalan raya pula sentiasa berlaku di kawasan bandar. Selain itu, terdapat **gangguan bekalan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik** yang masih berlaku. Isu ini menjejaskan keuntungan perniagaan yang beroperasi sekitar kawasan tersebut. Dari segi bekalan elektrik, isu ini masih lagi berleluasa di Malaysia Timur seperti yang dapat dilihat menerusi Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem (SAIDI). Sebagai contoh, gangguan sistem di Sabah adalah empat kali lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia. Manakala secara keseluruhannya, Malaysia mengalami 61,517 gangguan bekalan air tidak berjadual pada tahun 2017. Dalam pada itu, terdapat juga keperluan untuk menangani isu **kos utiliti yang tinggi khususnya bekalan elektrik** yang dikenal pasti sebagai punca kedua PMKS terpaksa menghadapi isu kenaikan kos.⁶

**PMKS berdepan peraturan perniagaan yang panjang, rumit dan kompleks**

Pada masa ini, proses pendaftaran syarikat sendirian berhad adalah kurang cekap yang dapat dilihat menerusi kedudukan Malaysia iaitu pada 126/190 negara untuk parameter "Memulakan Perniagaan" dalam **Doing Business Index 2020** yang terdiri daripada penunjuk aras bagi penubuhan syarikat sendirian berhad. Perkara ini mungkin menghalang perniagaan yang tidak diperbadankan **untuk berbuat demikian sebagai PMKS** yang akan mengehadikan aksesnya kepada pembiayaan untuk dana modal, kelebihan cukai dan liabiliti terhad.

PMKS khususnya perusahaan kecil dan mikro didapati **menggunakan sebahagian besar tempoh masa untuk kos pematuhan perniagaan** terhadap syarat gaji minimum, papan iklan syarikat, cukai korporat, visa serta permit pekerja seperti dinyatakan dalam Survei Kos Penyetujuan PKS pada tahun 2019. Akhir sekali, terdapat keperluan untuk mengurangkan amalan seperti rasuah. Sebanyak 80% daripada PMKS di Malaysia menganggap perkara tersebut sebagai keruncingan utama dalam menjalankan perniagaan berdasarkan satu tinjauan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) pada tahun 2018.

⁶ SME Corp. (2019). SME Annual Report 18/19. SME Corporation. <https://www.smeinfo.com.my/sme-annual-report-2018-2019/>

4.1.2 Jurang dalam Rangka Kerja Tadbir Urus dan Proses Pelaksanaan

Pemahaman berkenaan jurang dan cabaran yang dihadapi dalam ekosistem PMKS dari sudut rangka kerja tadbir urus adalah penting bagi penggubalan dasar dan proses pelaksanaan inisiatif berkaitan PMKS. Ini bagi memastikan langkah-langkah kanan diambil untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh PMKS di Malaysia.

1. Cabaran Yang Dikenal Pasti Dalam Rangka Kerja Tadbir Urus

- A** **Pertindihan peranan dan tanggungjawab** kerana skop dan fokus yang sama oleh Organisasi Pembangunan Keusahawanan (EDO) yang berbeza
- B** Kesukaran yang dihadapi oleh agensi-agensi seperti Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) dalam **melaksanakan mandat kerana salah jajaran antara Penunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan oleh agensi dan mandat yang diberikan**
- C** **Kekurangan perancangan untuk pelan penggantian** dalam kalangan EDO yang mengakibatkan inisiatif berkaitan PMKS tidak diberi perhatian dan tiada tindakan susulan yang konsisten
- D** Ketiadaan **rangka kerja pemantauan dan penilaian yang telus ke atas program pembangunan PMKS.**

2. Cabaran Yang Dikenal Pasti Dalam Proses Pelaksanaan

- A** Kewujudan **pelbagai inisiatif untuk tujuan yang berbeza** dengan **ketiadaan hab maklumat berpusat** yang menyebabkan kekeliruan dan kesukaran bagi PMKS untuk mengenal pasti inisiatif yang paling sesuai dengan keperluannya.
- B** **Kurang penyeragaman dalam kandungan latihan** yang mengakibatkan kandungan berulang dan tidak lagi relevan

Kesimpulan

Meskipun proses pemulihan telah bermula pada tahun 2021 berikutan kelonggaran sekatan berkaitan pandemik, PMKS di Malaysia masih menghadapi kesukaran untuk mencapai semula tahap prestasi ekonomi seperti sebelum pandemik. Jumlah perusahaan mikro yang mendominasi jumlah PMKS di Malaysia hanya menyertai aktiviti ekonomi bernilai rendah pada skala yang lebih kecil seterusnya menyebabkan sumbangan PMKS agak terhad kepada keseluruhan ekonomi berbanding negara-negara maju. Selain itu, ciri-ciri sedia ada pada PMKS serta sumber yang terhad telah menyebabkan keadaannya mudah terjejas dalam menghadapi keadaan luar jangka seperti pandemik.

Dua faktor utama yang menyumbang kepada dominasi perusahaan mikro di Malaysia adalah kurangnya produktiviti dan daya saing. Faktor-faktor ini dipengaruhi oleh pelbagai jurang termasuk kurangnya corak pemikiran yang didorong oleh inovasi dan berorientasikan pertumbuhan, kekangan sumber dalaman seperti modal insan dan keupayaan kewangan untuk berinovasi dan berkembang. Kekurangan akses kepada pengetahuan yang diperlukan untuk berinovasi serta ketiadaan infrastruktur dan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif.

Selain itu, penilaian ke atas rangka kerja tadbir urus sedia ada dan pelaksanaan inisiatif pembangunan berkaitan PMKS telah mendedahkan jurang yang perlu ditangani. Penambahbaikan dalam rangka kerja tadbir urus melibatkan peranan dan tanggungjawab EDO diperkembangkan, menambah baik perancangan penggantian dan mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian yang telus. Manakala bagi pelaksanaan pula, penyeragaman kandungan latihan keusahawanan merentasi EDO yang berbeza untuk memastikannya kekal relevan dan penubuhan hab maklumat berpusat dapat mengurangkan asimetri maklumat untuk PMKS dalam memilih inisiatif yang paling sesuai untuk keperluannya.

PMKS memerlukan persekitaran yang membolehkannya untuk berkembang maju seterusnya dapat menyumbang sebagai nadi pertumbuhan kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, jurang yang dikenal pasti dalam landskap PMKS serta rangka kerja tadbir urus dan proses pelaksanaan inisiatif pembangunan telah mengurangkan daya tahan dan kemampuannya. Oleh itu, adalah penting bagi pihak kerajaan dan semua pemegang taruh bekerjasama menangani cabaran bagi membolehkan PMKS terus kekal mampan dalam landskap global yang sentiasa berubah.

BAB 5:

**Trend Masa Depan dan
Sektor - Sektor Keutamaan**

Pengenalan

Dominasi perusahaan mikro dalam landskap PMKS di Malaysia telah mengakibatkan daya tahan dan sumbangan ekonomi yang terhad kepada negara berbanding PMKS di negara-negara maju. Ini disebabkan oleh kekurangan produktiviti dan daya saing dalam kalangan PMKS. Cabaran bagi produktiviti berpunca daripada kurangnya penetapan minda yang didorong oleh inovasi, akses terhad kepada keupayaan dalaman dan pengetahuan serta keperluan untuk infrastruktur digital yang lebih baik. Sebaliknya, isu berkaitan daya saing pula berpunca daripada kurangnya dorongan keusahawanan, akses yang terhad kepada bakat berkemahiran dan pembiayaan mampu milik untuk inisiatif berkaitan pertumbuhan dan keperluan untuk persekitaran kawal selia yang lebih mesra PMKS.

Untuk menangani cabaran ini dan menjamin kemampuan PMKS dalam landskap perniagaan yang sering berubah, adalah penting untuk merangka langkah-langkah bersasar. Ia bertujuan untuk mengatasi cabaran serta mengambil kira trend utama yang akan membentuk masa depan PMKS. Dua trend penting yang dijangka memberi kesan yang besar kepada PMKS di Malaysia adalah pendigitalan dan penerapan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Kemajuan pesat teknologi dan peningkatan penggunaan platform digital telah mengubah operasi perniagaan. PMKS perlu terlibat dalam pendigitalan untuk meningkatkan kecekapan operasi, mengembangkan pasaran dan terus kekal berdaya saing. Di samping itu, terdapat peralihan di peringkat antarabangsa ke arah amalan perniagaan yang mampan dengan wujudnya penekanan kepada tanggungjawab terhadap alam sekitar, kesan sosial, dan tadbir urus yang baik. PMKS yang mengamalkan prinsip ESG di dalam operasinya boleh meningkatkan reputasi, menarik pengguna yang mempunyai kesedaran sosial serta dapat mengakses peluang pembiayaan. Mengambil kira trend-trend utama ini, adalah penting untuk mengenal pasti sektor keutamaan agar PMKS boleh meningkatkan potensinya. Dengan memberi tumpuan kepada sektor yang sejajar dengan pendigitalan dan amalan ESG, PMKS boleh memanfaatkan kekuatannya serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

5.1 Trend Masa Depan Utama yang Mempengaruhi Prestasi PMKS

Penilaian landskap PMKS juga mesti mengambil kira keperluan perniagaan yang berubah. Penularan pandemik COVID-19 telah mencetuskan cabaran-cabaran di luar jangka yang mengubah cara kerajaan, perniagaan dan masyarakat berfungsi dan bekerja dalam keadaan yang berbeza. Pada April 2022, Malaysia telah memasuki fasa endemik COVID-19 apabila sempadan negara telah dibuka semula dan semua sektor ekonomi telah dibenarkan untuk meneruskan aktivitinya. Justeru, adalah amat kritikal untuk menentukan trend-trend utama yang akan membentuk "norma baharu".



Pandemik COVID-19 telah mencetus era pendigitalan di seluruh dunia yang pada mulanya hanya sebagai penyelesaian jangka pendek tetapi kini tidak lagi dapat dikembalikan seperti sedia kala. Agenda transformasi digital sangat ketara serta menjadi pemacu utama untuk pertumbuhan dan pemangkin yang penting dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Di Malaysia, ekonomi digital telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 14.8% pada tahun 2022 yang berjumlah RM412 billion iaitu 23.0% daripada KDNK negara seperti dinyatakan dalam Rajah 18. Sebahagian daripada sumbangan tersebut adalah daripada industri e-dagang yang menyumbang 13.3% daripada KDNK negara. Pendapatan perniagaan daripada

e-dagang mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 40.9 peratus iaitu RM1,037.2 bilion pada tahun 2021 kepada RM1,099.7 bilion pada tahun 2022 seperti yang dalam Rajah 18.

Rajah 18: Prestasi Ekonomi Digital di Malaysia



Angka-angka ini menunjukkan potensi ekonomi yang dicetuskan oleh pendigitalan dengan menghapuskan halangan kepada perdagangan dan meningkatkan skala, skop dan kepantasan perdagangan.

Oleh itu, PMKS perlu **mempercepatkan usaha pendigitalan agar kekal berdaya saing dan berdaya tahan.**⁵ Walau bagaimanapun, didapati bahawa sebanyak 77% daripada PMKS di Malaysia hanya berada pada tahap pendigitalan asas dan tidak mempunyai bakat atau kemahiran untuk meneruskan transformasi digital. Ketika negara mulai pulih daripada COVID-19, **merapatkan jurang digital adalah penting bagi PMKS** untuk mencapai aspirasi negara untuk menjadi Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Tambahan pula, impak daripada pendigitalan termasuk automasi melibatkan semua pihak dan memberi kesan terhadap pasaran buruh akibat daripada pembuangan pekerja khususnya bagi segmen pekerja berkemahiran rendah. Sebaliknya, pekerjaan baharu mula diwujudkan seperti yang dianggarkan oleh Forum Ekonomi Dunia iaitu 85 juta pekerjaan berbanding 97 juta pekerjaan baharu akan muncul di seluruh dunia hasil daripada pembahagian kerja antara manusia dan mesin⁷.

Walaupun terdapat permintaan untuk bakat digital, kemahiran insani yang bersifat rentas fungsi seperti pemikiran kritis dan penyelesaian masalah akan menjadi semakin penting dan berkemungkinan akan tercetusnya kekurangan bagi kemahiran ini. Laporan daripada Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) menyatakan bahawa kemahiran ini dipupuk sejak awal kehidupan seorang individu yang menyerlahkan kepentingan peranan pendidikan. Pada masa yang sama, **peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja amat penting bagi memastikan tenaga kerja** masih lagi relevan dalam memenuhi keperluan perniagaan

masih lagi relevan dalam memenuhi keperluan perniagaan termasuklah PMKS.



Trend Utama #2: Penerapan Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Satu lagi faktor utama yang akan membantu pemulihan PMKS daripada pandemik adalah menggalakkan inisiatif kemampanan bagi tempoh jangka masa panjang termasuk pengurangan kos dan memaksimumkan produktiviti yang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti ekonomi kitaran, amalan pekerjaan yang baik dan tadbir urus korporat yang kukuh.

Bagi menggalakkan syarikat-syarikat mula bertindak, **rangka kerja ESG telah digunakan sebagai alat yang penting.** Rangka kerja ini berfungsi sebagai faktor pemangkin yang kritikal untuk menjadikan syarikat dilihat lebih menarik di mata pelabur antarabangsa yang akan memberi kesan positif kepada pelaburan langsung asing negara. Di samping itu, ini juga boleh memberi kesan positif terhadap aspek produktiviti buruh khususnya apabila amalan buruh beretika kian meningkat. Oleh itu, adalah penting untuk membantu PMKS menerapkan prinsip ESG ke dalam operasinya untuk menggalakkan pertumbuhan yang mampan iaitu menjadikannya kekal relevan dan lebih bersedia menghadapi sebarang perubahan pada masa akan datang. Kedua-dua trend utama ini memainkan peranan penting dalam membentuk landskap masa depan bagi PMKS.

Sumber: ⁵ SMECorp, Challenges in Digital Adoption, 2021

⁷ World Economic Forum, The Future of Jobs Report, 2020

5.2 Fokus Sektor-Sektor Keutamaan

Dengan mengambil kira trend utama yang telah dikenal pasti, adalah penting untuk mengenal pasti sektor-sektor tertentu untuk diberi keutamaan bagi memastikan PMKS menerima sokongan yang diperlukan. Sektor keutamaan yang telah dikenali pasti mempunyai ciri-ciri seperti berikut adalah:

- **Kepentingan Ekonomi:** PMKS merupakan penyumbang utama dan memerlukan langkah **intervensi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing** berikutan pandemik COVID-19;
- **Enjin Pertumbuhan Masa Depan:** Intervensi bersasar yang memberi tumpuan kepada pendigitalan dan penggabungan amalan mampan akan membolehkan PMKS dalam sektor ini menyertai **aktiviti dengan nilai tambah yang bernilai tinggi**; dan

- **Keutamaan Negara:** Industri berimpak, bertumbuh dan bernilai tinggi merangkumi Aeroangkasa, Kimia, Farmaseutikal, Peranti Perubatan, Elektrik dan Elektronik, Teknologi dan Digital, Pertanian Pintar, Unsur Nadir Bumi, Tenaga Boleh Baru, Kenderaan Elektrik, Bahan Termaju dan Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon.

Dengan tumpuan kepada sektor dan subsektor utama, usaha boleh disesuaikan untuk menangani cabaran dan meneroka peluang PMKS dalam sektor ini.



Sektor Pertanian

Dari tahun 2015 hingga tahun 2022, PMKS dalam sektor pertanian membentuk sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan sumbangan KDNK negara dan merupakan penyumbang ketiga tertinggi bagi sumbangan PMKS secara keseluruhan

Sub-sektor yang perlu diberi keutamaan meliputi:



Tanaman

- Fokus kepada pertanian tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai tinggi seperti cili, nanas, durian, tanaman organik
- Mengutamakan penggunaan alat teknologi inovatif seperti *IoT*, dron) terutamanya untuk PMKS yang terlibat dalam tanaman industri



Akuakultur

- Memberi tumpuan kepada penggunaan alat dan/atau teknik teknologi inovatif seperti akuaponik untuk menjalankan penternakan ikan pada skala yang lebih besar.



Sektor Pembuatan

Dari tahun 2015 hingga tahun 2022, PMKS sektor pembuatan menjana sekurang-kurangnya 30% daripada sumbangan KDNK negara bagi keseluruhan sektor dan juga merupakan sumbangan kedua tertinggi kepada jumlah sumbangan PMKS

Sub-sektor yang perlu diberi keutamaan meliputi:



Pemprosesan Makanan & Minuman

- Fokus pada produk makanan diproses khusus seperti halal, organik



Kimia & Produk Kimia

- Bahan kimia khas seperti pelekat, agrikimia, bahan tambahan makanan



Perabot Berasaskan Kayu Lestari

- Pengeluar perabot asli secara kecil-kecilan berasaskan kayu lestari seperti buluh



Pembuatan Logam

- Produk logam fabrikasi yang memenuhi keperluan industri bernilai tinggi seperti aeroangkasa, peranti perubatan, rel dan tenaga boleh diperbaharui



Pembuatan Produk industri

- Produk akhir berasaskan getah dan plastik yang memenuhi keperluan industri bernilai tinggi seperti aeroangkasa, peranti perubatan, rel dan tenaga boleh diperbaharui



Sektor Perkhidmatan

Dari tahun 2015 hingga 2022, PMKS dalam sektor perkhidmatan menyumbang sekurang-kurangnya 40% daripada sumbangan KDNK negara bagi keseluruhan sektor dan memberikan sumbangan tertinggi kepada jumlah sumbangan PMKS.

Sub-sektor yang perlu diberi keutamaan meliputi:



Perkhidmatan Kejuruteraan Awam

- Perkhidmatan teknikal seperti kerja paip, kerja elektrik, pertukangan, penjubinan, pemasangan kaca dan kerja pementasan



Perdagangan Runcit & Borong

- Mengutamakan penggunaan e-dagang



Perkhidmatan Profesional

- Perkhidmatan khusus (niche) bernilai tinggi seperti ESG dan digital



Pelancongan

- Fokus kepada perkhidmatan pelancongan khusus bernilai tinggi seperti ekopelancongan, perjalanan mewah, pelancongan halal, pelancongan perubatan



Pengangkutan

- Sektor logistik secara keseluruhan yang merangkumi pengendali pengangkutan, penyedia gudang Fokus pada penggunaan alat teknologi inovatif seperti *IoT*, robotik, Kepintaran Buatan (AI)



Makanan & Minuman

- Fokus pada F&B dalam bentuk inovasi model perniagaan baharu seperti dapur awam, kedai-penghantaran sahaja

Kesimpulan

Ketika landskap perniagaan antarabangsa terus berubah, PMKS di Malaysia akan berdepan dengan cabaran dan peluang, terutamanya berkaitan dengan trend pendigitalan dan amalan ESG yang semakin meningkat. Untuk memastikan kemampanan PMKS untuk tempoh jangka panjang, adalah penting untuk memberi keutamaan dan sokongan terutamanya yang beroperasi dalam sektor-sektor keutamaan yang telah dikenal pasti. Disebabkan oleh sumber dan kebolehsesuaiannya yang terhad, PMKS lebih mudah terdedah kepada kesan perubahan ekonomi. Oleh itu, dengan menyedari serta bersifat mendahului berbanding trend baharu yang muncul, PMKS dapat menyesuaikan diri secara proaktif dengan permintaan pasaran yang berkembang, memanfaatkan peluang baharu serta mencari jalan untuk menangani risiko.

Selain itu, dengan mengenal pasti sektor-sektor keutamaan membolehkan peruntukan sumber yang lebih bersasar serta menggalakkan pertumbuhan dan Pembangunan yang berfokus dalam perkara-perkara yang berpotensi tinggi.

Pada masa akan datang, penggubalan dan pelaksanaan inisiatif strategik turut memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan dan daya tahan PMKS. Dengan menangani jurang dan cabaran yang telah dikenal pasti, Malaysia dapat mewujudkan persekitaran yang membolehkan PMKS berkembang maju. Ini akan melibatkan pelaksanaan langkah-langkah yang menggalakkan pendigitalan, penerapan amalan mampan serta memberi sokongan bersasar kepada PMKS dalam sektor-sektor keutamaan.

BAB 6: Pelan Strategik PMKS 2030

Pengenalan

Pelan Strategik PMKS 2030 dirangka berdasarkan penelitian terhadap jurang-jurang yang wujud dalam ekosistem PMKS pada masa kini. Pelan Strategik PMKS 2030 bertujuan untuk **menyediakan langkah-langkah intervensi bersasar agar PMKS kekal mampan walaupun ketika berdepan dengan perubahan landskap ekonomi**

global yang berubah. Lonjakan ke arah pendigitalan kesan daripada pandemik yang melanda diharapkan terus kekal menjadi pemangkin untuk mentranformasikan PMKS agar menjadi penjana ekonomi negara. Oleh itu, sebuah rangka kerja tadbir urus dan proses pelaksanaan yang mantap amat penting bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

6.1 Objektif dan Sasaran

Pelan strategik ini bertujuan mentransformasi PMKS di Malaysia ke arah menjadi perniagaan yang mampan dan dapat beradaptasi dengan trend-trend utama serta keadaan luar jangka menerusi peningkatan produktiviti dan daya saing. Objektif Pelan Strategik PMKS adalah seperti berikut:

- 1 Menyediakan pelbagai peluang kepada PMKS untuk mewujudkan jaringan pasaran tempatan dan antarabangsa
- 2 Mentransformasikan PMKS daripada berteraskan keperluan kepada berpacukan inovasi melalui guna tenaga yang berkemahiran dan bersesuaian
- 3 Memastikan PMKS memperolehi akses kepada pembiayaan mengikut keperluan dan persekitaran perniagaan
- 4 Melengkapkan PMKS dengan pengetahuan dan sumber yang diperlukan untuk mencetus inovasi dan menceburi aktiviti bernilai tambah tinggi
- 5 Meningkatkan persekitaran kawal selia agar lebih kondusif untuk PMKS, khususnya perusahaan mikro dalam menjalankan perniagaan
- 6 Menambah baik infrastruktur dan sokongan keusahawanan untuk PMKS terutamanya di kawasan luar bandar

Oleh itu, dengan tema dan objektif yang ditetapkan untuk meningkatkan ketahanan dan kemampuan PMKS, sasaran yang dikenal pasti untuk pelan strategik perlu terdiri daripada indikator yang relevan untuk mengukur peningkatan produktiviti dan daya saing.

Mentransformasi PMKS di Malaysia menjadi perusahaan yang mampan dan mampu mengadaptasi trend baharu dan cabaran luar jangka melalui peningkatan produktiviti dan daya saing.

Indikator dalam Rajah 19 memperincikan tentang sasaran keberhasilan bagi pelan strategik ini. Penunjuk untuk tahun 2030 menunjukkan matlamat yang kekal sama dengan sasaran yang ditetapkan dalam DKN2030 manakala beberapa penunjuk yang disasarkan untuk tahun 2025 telah disemak semula bagi mengambilkira impak COVID-19. Penetapan sasaran dibahagikan kepada dua fasa seperti berikut:

- **Fasa 1 : Fasa pemulihan dari 2023 hingga 2025; dan**
- **Fasa 2 : Fasa pecutan prestasi dan transformasi dari 2026 hingga 2030**

Rajah 19: Sasaran Pelan Strategik PMKS 2023 – 2030

Indicator	2022	Fasa 1 (Sasaran 2025)	Fasa 2 (Sasaran 2030)
Sumbangan PMKS kepada KDNK	38.4% (2022)	41%	50%
Sumbangan PMKS kepada Guna Tenaga	48.2% (2022)	50%	55%
Sumbangan PMKS kepada Eksport	10.5% (2022)	15%	30%
Sumbangan PMKS kepada Tahap Produktiviti	RM76,433 (2022)	RM83,000	RM100,000
Kedudukan dalam Indeks GCI	27 (2019)	20 teratas	15 teratas
Kedudukan dalam Indeks GII	36 (2022)	30 teratas	20 teratas

Pelan strategik ini juga menyasarkan pencapaian matlamat berkaitan PMKS di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia iaitu sebanyak 875,000 PMKS menerima guna e-dagang pada tahun 2025.

6.2 Rangka Kerja Pelan Strategik

Visi yang ditetapkan adalah supaya PMKS berupaya mencapai pertumbuhan yang mampan dan dapat mengadaptasi trend-trend baharu muncul serta menyumbang kepada ekonomi negara secara konsisten. Misi pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah untuk PMKS mempunyai keupayaan dan kapasiti untuk pulih apabila menghadapi keadaan di luar jangkaan.

Bagi merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan, rangka kerja pelan strategik telah mengenal pasti dua objektif utama yang perlu dicapai iaitu meningkatkan produktiviti dan daya saing PMKS. Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, tiga pemangkin utama dan enam tonggak telah dikenal pasti. Tiga pemangkin utama tersebut adalah seperti berikut:

1 Minda dan Kemahiran Keusahawanan: Memupuk minda yang berteraskan pertumbuhan oportunistik dalam kalangan usahawan baharu dan pemilik PMKS

2 Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi: Persekitaran luar yang terdiri daripada elemen yang diperlukan untuk berinovasi termasuk kebolehan R&D&C&I, akses kepada bakat, kewangan dan pengetahuan untuk menggunakan teknologi 4IR disokong dengan tadbir urus dan infrastruktur digital

3 Persekitaran Perniagaan Yang Mesra PMKS: Persekitaran perniagaan menyediakan sumber yang diperlukan untuk membentuk jaringan pasaran, mendapat akses kepada pembiayaan serta kawal selia dan infrastruktur yang mesra PMKS

Tiga pemangkin ini membentuk hala tuju bagi enam Tonggak dan telah dikenal pasti menerusi penendarasan. Enam tonggak ini merupakan **elemen yang penting untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan PMKS** dengan cara yang berbeza seperti berikut:



Keadaan Pasaran

Akses kepada pasaran bagi perdagangan dalam dan luar negeri, pelaburan langsung asing dan domestik



Modal Insan

Akses kepada pendidikan dan latihan untuk peningkatan kemahiran atau latihan semula tenaga kerja



Kewangan

Akses kepada pembiayaan atau kewangan dari segi pinjaman, geran, atau insentif untuk pembangunan PMKS

Bagi memastikan keberkesanan tonggak dan pemangkin yang telah dikenal pasti, **rangka kerja tadbir urus dan proses pelaksanaan amat penting** bagi menjamin kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini.



Inovasi

Akses kepada teknologi baharu, R&D atau penerimgunaan amalan organisasi dan pemasaran baharu yang memberi kemahiran berinovasi kepada PMKS



Tadbir Urus

Kawal selia, polisi, dan inisiatif ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan menumpukan kepada pembangunan PMKS



Infrastruktur

Ketersambungan dan kualiti infrastruktur seperti logistik (udara, darat, laut), utiliti (tenaga), serta ICT dan internet

Pelan Strategik PMKS 2030

VISI

PMKS berkeupayaan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan serta mampu mengikuti trend baharu muncul agar dapat terus menyumbang secara konsisten kepada ekonomi negara

MISI

PMKS berkebolehan dan berkeupayaan untuk pulih ketika berdepan cabaran luar jangka

SASARAN



Meningkatkan produktiviti



Meningkatkan daya saing

Pemboleh: Rangka kerja tadbir urus dan proses pelaksanaan yang efektif

PEMANGKIN



Minda Dan Kemahiran Keusahawanan



Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi



Persekitaran Perniagaan Yang Mesra PMKS

TONGGAK



Keadaan Pasaran



Modal Insan



Kewangan



Inovasi



Tadbir Urus



Infrastruktur

6.3 Strategi dan Inisiatif Utama

Strategi dan inisiatif yang dirangka dalam Pelan Strategik PMKS berfungsi sebagai panduan untuk memastikan pelaksanaan tindakan supaya selaras dengan visi dan misi untuk membangunkan PMKS.

Rajah 20 menunjukkan ringkasan jumlah strategi dan inisiatif keseluruhan yang dibangunkan di bawah Pelan Strategik PMKS. Kementerian akan memainkan peranan penting dalam memacu inisiatif ini dan fasa khusus pelaksanaan juga telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan oleh pelaksana masing-masing.

Kementerian yang telah dikenal pasti sebagai peneraju akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pemantauan kemajuan inisiatif yang terlibat. Kementerian-kementerian lain yang telah dikenal pasti juga akan bekerjasama dalam pelaksanaan inisiatif tersebut. Pendekatan secara berfasa yang digariskan dalam pelan strategik membolehkan inisiatif dilaksanakan dengan teratur dan berstruktur serta mencapai sasaran dalam garis masa yang ditentukan.

Kerjasama dan kolaborasi antara kementerian adalah penting bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan PMKS khususnya dalam sektor-sektor keutamaan.

Rajah 20: Ringkasan Strategi & Inisiatif

	Strategi	Inisiatif
Pemangkin 1: Minda dan Kemahiran Keusahawanan	2	5
Pemangkin 2: Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi	5	17
Pemangkin 3: Persekitaran Perniagaan Yang Mesra PMKS	6	34
	13	56

*Kumpulan fokus khas termasuk Bumiputera, Belia (bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang asli



PEMANGKIN 1 MINDA DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

S01 Meningkatkan kemahiran dan kompetensi keusahawanan pemilik PMKS

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
EM 01	Menyediakan akses kepada latihan yang lebih berstruktur mengenai kemahiran pengurusan perniagaan seperti kepimpinan, pemasaran dan pemikiran strategik serta kemahiran digital melalui kerjasama dengan penyedia latihan yang bertauliah	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOHR 	Fasa 1 – Fasa 2
EM 02	Meningkatkan ketersediaan sokongan dan bimbingan, khususnya kepada pemilik Perusahaan Mikro dan Kecil, melalui pelaksanaan program mentor-menti berstruktur bersama persatuan perniagaan dan dewan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI 	Fasa 1 – Fasa 2



PEMANGKIN 1 MINDA DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

S02 Menggalakkan usahawan baharu dan PMKS terlibat dalam aktiviti dengan nilai tambah yang tinggi

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
EM 03	Memperhebat jangkauan dan program kesedaran keusahawanan dalam kalangan PMKS terutamanya daripada kumpulan fokus khas* untuk terlibat dalam sektor-sektor keutamaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KBS, MITI, KKDW, KPWKM 	Fasa 1 – Fasa 2
EM 04	Membimbing usahawan baharu daripada kumpulan fokus khas* menceburi industri berteknologi tinggi menerusi program latihan dan pembangunan kapasiti secara berstruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOHR, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
EM 05	Mempertingkatkan akses pemilik PMKS kepada pengetahuan dan latihan khusus industri untuk membantu mengembangkan perniagaan kepada aktiviti bernilai tambah yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOHR • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2

*PMKS kumpulan fokus khas merujuk kepada PMKS daripada kalangan Bumiputera, Belia (di bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kurang Upaya dan Orang Asli

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 2 EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK BERINOVASI

S03 Meningkatkan akses PMKS kepada pembiayaan dan pengetahuan digital

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
IE 01	Menawarkan lebih banyak pilihan pembiayaan alternatif dan pembiayaan jangka panjang kepada PMKS untuk mengadaptasi teknologi dan digitalisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOF, MITI, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 02	Membangunkan Kompas Digital PMKS yang menawarkan penilaian digital sendiri dan maklumat berkaitan pendigitalan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KD • Kolaborator Utama: KUSKOP, MOSTI 	Fasa 1
IE 03	Menggalakkan PMKS dalam mengadaptasi pendigitalan melalui program perkongsian rakan setara	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KD, MITI, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 2 EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK BERINOVASI

S04 Meningkatkan kebolehan PMKS untuk menarik minat dan mengekalkan bakat tempatan

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
IE 04	Menggalakkan PMKS menerimaguna <i>Productivity Linked Wage System</i> (PLWS) untuk mengekalkan pekerja berkemahiran	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOHR • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 05	Mengurangkan kebergantungan PMKS dalam industri berteknologi tinggi terhadap pekerja asing yang kurang berkemahiran menerusi levi pekerja pelbagai peringkat	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOHR • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI, KDN 	Fasa 1

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 2 EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK BERINOVASI

S05 Meluaskan akses kepada latihan dan peningkatan kemahiran pendigitalan dan 4IR untuk tenaga kerja PMKS

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
IE 06	Meningkatkan akses PMKS kepada latihan kemahiran digital dan Dasar Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR)* peringkat asas dan lanjutan melalui kerjasama dengan penyedia latihan yang bertauliah	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOHR, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 07	Meningkatkan kemahiran pendigitalan dan 4IR* dalam kalangan PMKS melalui latihan semasa bekerja (<i>on the job training</i>) secara berstruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOHR • Kolaborator Utama: KD, KUSKOP, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 08	Menggalakkan penerimgunaan Penilaian Keperluan Latihan bagi mengenalpasti peningkatan kemahiran 4IR*	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOHR • Kolaborator Utama: KD, KUSKOP, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2

*Kemahiran digital dan 4IR yang difokuskan dalam inisiatif mesti sejajar dengan kemahiran yang dinyatakan di bawah Dasar 4IR Negara

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 2 EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK BERINOVASI

S06 Menggalakkan PMKS untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti R&D&C&I

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
IE 09	Mengenalpasti PMKS yang berkelayakan sebagai kumpulan sasaran utama National Innovation Technology Sandboxes dan program pemecutan pengkomersialan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 10	Meningkatkan akses PMKS kepada pelbagai pilihan pembiayaan R&D seperti pinjaman R&D yang menggunakan harta intelek sebagai cagaran melalui kolaborasi dengan pembiayaan alternatif	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOF, MOSTI, KPT, KPDN 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 11	Menggalakkan PMKS mengambil insentif R&D yang disediakan untuk melaksanakan R&D secara dalaman, termasuk yang berkaitan dengan kemampuan /aktiviti hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOF, MOSTI, KPT 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 12	Memperhebat usaha kolaborasi antara PMKS dengan penyelidik daripada institut penyelidikan awam untuk mengenalpasti idea dan inovasi baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPT • Kolaborator Utama: KPKM, MOSTI, KUSKOP, KPK 	Fasa 1 – Fasa 2

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 2 EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK BERINOVASI

S07 Memastikan PMKS mempunyai akses kepada ketersambungan jalur lebar yang stabil dan melaksanakan amalan terbaik bagi perniagaan digital

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
IE 13	Menggalakkan PMKS dalam bidang teknologi mendapatkan pengesahan yang piawai bagi pematuhan terhadap keselamatan siber dan perlindungan privasi seperti <i>BizTrust Seal</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPDN • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 14	Memperhebat tahap kesedaran PMKS mengenai keselamatan siber melalui kolaborasi bersama penyedia perkhidmatan keselamatan siber	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KKD • Kolaborator Utama : KUSKOP 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 15	Meningkatkan akses kepada produk keselamatan siber yang mesra PMKS seperti perkhidmatan langganan berasaskan keperluan dengan kerjasama penyedia perkhidmatan keselamatan siber	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KD 	Fasa 1 – Fasa 2
IE 16	Membangunkan kod tatakelakuan (<i>code of conduct</i>) yang seragam dan komprehensif dengan menggabungkan peraturan dan amalan terbaik bagi PMKS yang melaksanakan perniagaan atas talian	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPDN • Kolaborator Utama: KUSKOP, KD 	Fasa 1
IE 17	Menambahbaik kualiti jalur lebar terutamanya di zon ekonomi utama termasuk kawasan pertanian dan perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KD • Kolaborator Utama: KPKT, KKDW 	Fasa 1 – Fasa 2



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S08 Mempertingkatkan capaian PMKS kepada sumber-sumber yang diperlukan untuk membentuk jaringan pasaran antarabangsa

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 01	Meningkatkan akses Perusahaan Mikro yang berpotensi tinggi terutamanya daripada kumpulan fokus khas* kepada perkhidmatan sokongan dan bimbingan untuk melaksanakan e-dagang rentas sempadan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, KD 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 02	Meningkatkan pengetahuan PMKS tentang peluang eksport di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas dua hala dan pelbagai hala	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 03	Menyediakan program bimbingan khas bagi PMKS yang berkelayakan untuk memaksimumkan peluang eksport di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas dua hala dan pelbagai hala	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MITI • Kolaborator Utama: KUSKOP 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 04	Menambahbaik akses PMKS terutamanya kumpulan fokus khas* kepada pembiayaan perdagangan rentas sempadan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOF, MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 05	Memanfaatkan pameran phygital sebagai platform dengan capaian yang luas untuk PMKS mempamerkan produk dan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, MOTAC 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 06	Membantu PMKS mendapatkan pensijilan yang diiktiraf berdasarkan piawaian antarabangsa melalui program bimbingan yang berstruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2

*PMKS kumpulan fokus khas merujuk kepada PMKS daripada kalangan Bumiputera, Belia (di bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kurang Upaya dan Orang Asli

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S09 Mewujudkan lebih banyak peluang untuk PMKS membentuk jaringan pasaran tempatan dan mengembangkan perniagaan

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 07	Meningkatkan peluang kepada PMKS yang berpotensi, terutamanya kumpulan fokus khas* untuk terlibat dalam rantaian nilai syarikat besar tempatan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Multinasional (MNC) dalam sektor bernilai tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, MOF 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 08	Meningkatkan penyertaan PMKS dalam perolehan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOF • Kolaborator Utama: KUSKOP 	Fasa 2
BE 09	Mempromosi model konsortium kepada PMKS dan menawarkan sokongan serta nasihat dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan industri dan persatuan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, KPDN 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 10	Memperhebat sesi rangkaian perniagaan dan cadangan pelaburan (pitching sessions) dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan industri dan persatuan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, MOSTI 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 11	Membantu PMKS yang berpotensi tinggi dalam sektor perkhidmatan untuk menjadi francais dengan menyediakan program bimbingan komprehensif dari awal hingga akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, KPDN 	Fasa 1 – Fasa 2

*PMKS kumpulan fokus khas merujuk kepada PMKS daripada kalangan Bumiputera, Belia (di bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kurang Upaya dan Orang Asli

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S09 Mewujudkan lebih banyak peluang untuk PMKS membentuk jaringan pasaran tempatan dan mengembangkan perniagaan

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 12	Menggalakkan Perusahaan Mikro dalam industri makanan yang beroperasi dari rumah untuk menggunakan perkhidmatan <i>cloud kitchen</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, KPDN 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 13	Meningkatkan promosi produk buatan tempatan PMKS di kawasan pelancongan seperti pasar kraftangan, lapangan terbang, stesen kereta api dan pusat membeli-belah	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOTAC • Kolaborator Utama: KUSKOP, MOT 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 14	Menyediakan sokongan dan bimbingan kepada juara vendor dalam sektor keutamaan untuk menjadi anchor baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI 	Fasa 1 – Fasa 2



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S10 Menambahbaik ekosistem pembiayaan bagi membolehkan PMKS mempunyai akses kepada pembiayaan mengikut keperluan perniagaan

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 15	Mempercepatkan enakmen Rang Undang-Undang Faedah Sekuriti Aset Alih untuk membolehkan aset alih lain seperti tanaman dan ternakan, dokumen geran, instrumen boleh niaga dan aset tak ketara yang merangkumi hak Harta Intelek untuk diiktiraf sebagai cagaran	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPDN • Kolaborator Utama: MOF 	Fasa 1
BE 16	Mewujudkan daftar cagaran aset alih berpusat untuk memastikan ketelusan maklumat mengenai faedah sekuriti ke atas aset alih	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPDN • Kolaborator Utama: MOF 	Fasa 1
BE 17	Memanfaatkan inovasi dalam menyelaras prosedur kewangan dan proses kelulusan oleh Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di samping memastikan ia selaras dengan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM)	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOF • Kolaborator Utama: KUSKOP 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 18	Meningkatkan ketersediaan dan liputan pembiayaan kepada Perusahaan Mikro dan kumpulan fokus khas*	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOF • Kolaborator Utama: KUSKOP, KBS, KKDW, KPWKM 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 19	Meningkatkan daya tarikan pakej insentif M&A bagi merangsang lebih banyak pelaburan domestik dan asing ke dalam PMKS	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MITI • Kolaborator Utama: MOF, KUSKOP 	Fasa 1 – Fasa 2

*PMKS kumpulan fokus khas merujuk kepada PMKS daripada kalangan Bumiputera, Belia (di bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kurang Upaya dan Orang Asli

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S11 Menambahbaik akses PMKS kepada infrastruktur dan persekitaran kawal selia yang efisien untuk mengurangkan kos operasi

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 20	Menggalakkan lebih banyak PMKS menjalankan perniagaan di kawasan/zon ekonomi utama dan kawasan perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KE • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 21	Meningkatkan kecekapan di pelabuhan-pelabuhan utama dengan melaksanakan amalan terbaik seperti konsep logistik Container Transferium	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOT • Kolaborator Utama: MITI, KPDN 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 22	Mengurangkan jurang dalam bahagian penghantaran rantai bekalan melalui kolaborasi bersama penyedia perkhidmatan logistik	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MITI • Kolaborator Utama: KUSKOP, MOT 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 23	Meningkatkan kestabilan bekalan air di negeri-negeri dengan menubuhkan pasukan petugas berpusat antara syarikat perkhidmatan air dan agensi-agensi Kerajaan berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: NRES • Kolaborator Utama: KPKT 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 24	Menambahbaik proses dan peraturan untuk mengoperasikan perniagaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri supaya lebih fasilitatif	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KPDN, KPKT 	Fasa 1 – Fasa 2



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S11 Menambahbaik akses PMKS kepada infrastruktur dan persekitaran kawal selia yang efisien untuk mengurangkan kos operasi

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 25	Menyediakan ruang fizikal yang mampu milik di zon ekonomi utama untuk PMKS mempamerkan produk dan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KKDW, KPKT, MOTAC 	Fasa 1 – Fasa 2



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S12 Mempertingkatkan kebolehan PMKS untuk pulih daripada keadaan luar jangka

INISIATIF

NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 26	Menggalakkan PMKS supaya menyediakan pelan pemulihan perniagaan termasuk pengurusan bencana menerusi program dan latihan kesedaran dengan kolaborasi bersama persatuan perniagaan dan dewan perniagaan industri	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, MOF 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 27	Mempertingkatkan akses kepada produk perlindungan risiko dan bencana khas untuk PMKS melalui kerjasama dengan sektor swasta	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 28	Menerapkan topik mengenai kepentingan program perlindungan perniagaan terutamanya untuk PMKS kumpulan fokus khas* dalam program latihan dan bimbingan keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KBS, KPT, KKDW, KPWKM 	Fasa 1 – Fasa 2

*PMKS kumpulan fokus khas merujuk kepada PMKS daripada kalangan Bumiputera, Belia (di bawah 35 tahun), Wanita, Orang Kurang Upaya dan Orang Asli

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS



PEMANGKIN 3 PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MESRA PMKS

S13 Menggalakkan PMKS untuk melaksanakan melaksanakan amalan mampan







INISIATIF






NO	INISIATIF	KEMENTERIAN TERLIBAT	FASA
BE 29	Mempromosi penerimgunaan amalan mampan menerusi program pendidikan dan sesi libat urus dengan persatuan perniagaan dan dewan perniagaan industri	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MITI, NRES, KPT 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 30	Menawarkan peluang latihan kepada PMKS untuk merancang dan mengintegrasikan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan memanfaatkan kerjasama dengan penyedia latihan swasta bertauliah	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: NRES, MOHR 	Fasa 2
BE 31	Menawarkan pilihan pembiayaan khusus untuk PMKS melaksanakan inisiatif kemampanan dan projek hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: MOF • Kolaborator Utama: KUSKOP, NRES 	Fasa 1 – Fasa 2
BE 32	Menawarkan insentif kepada PMKS untuk mengamalkan pelaporan kemampanan secara sukarela	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: MOF, NRES, MITI 	Fasa 2
BE 33	Mengurangkan kos permulaan yang tinggi untuk PMKS menggunakan teknologi tenaga boleh diperbaharui seperti panel solar melalui kolaborasi pemegang taruh sektor swasta	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KPTDGA • Kolaborator Utama: KUSKOP, MITI, MOF 	Fasa 2
BE 34	Mempromosikan manfaat alam sekitar dan penjimatan kos daripada penggunaan teknologi tenaga diperbaharui dan peralatan cekap tenaga kepada PMKS	<ul style="list-style-type: none"> • Peneraju: KUSKOP • Kolaborator Utama: KPTDGA 	Fasa 1 – Fasa 2

Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS

6.4 Jangkaan Hasil Dan Impak Bagi Inisiatif

Pelaksanaan setiap inisiatif di bawah Pelan Strategik PMKS ini dijangka akan menyumbang kepada pencapaian enam sasaran nasional yang telah ditetapkan.

Inisiatif	Sasaran					
						
EM01, EM02, EM03, EM04, EM05	✓			✓	✓	✓
IE01, BE08, BE10, BE13, BE14	✓			✓	✓	✓
IE02, IE03, IE06, IE07, IE08, IE13, IE14, IE15, IE16, IE17, BE21, BE22, BE23, BE24, BE25, BE39, BE30, BE31, BE32, BE33, BE34				✓	✓	✓
IE04, IE05		✓		✓	✓	✓
IE09, IE10, IE11, IE12	✓				✓	✓
BE01, BE02, BE04, BE05, BE06			✓			✓
BE03		✓	✓			✓
BE07, BE09, BE11, BE15, BE16, BE17, BE19	✓	✓			✓	✓
BE12, BE18	✓	✓		✓	✓	✓
BE20, BE26, BE27, BE28					✓	✓




Nota: S=Strategi, EM=Minda dan Kemahiran Keusahawanan, IE=Ekosistem Yang Kondusif Untuk Berinovasi, BE=Persekitaran Perniagaan Mesra PMKS

6.5 Rangka Kerja Tadbir Urus Pelan Strategik 2030

Rangka kerja tadbir urus dan proses pelaksanaan yang efektif adalah amat penting dalam memastikan keberhasilan pelaksanaan Pelan Strategik PMKS 2030.

Cadangan rangka kerja tadbir urus Pelan Strategik PMKS seperti dalam Rajah 21 menggunakan struktur tadbir urus sedia ada.

Rajah 21: Rangka kerja tadbir urus Pelan Strategik PMKS 2030



Peranan dan tanggungjawab struktur tadbir urus adalah seperti berikut:

- **MPUPK:** Menggubal dasar dan halatuju pembangunan PMKS
- **MPKN:** Memperkasakan dan menyelaraskan ekosistem keusahawanan di peringkat Persekutuan dan negeri
- **JTPKN:** Jawatankuasa khas untuk menyelaras inisiatif keusahawanan di peringkat Persekutuan dan Negeri

Secara keseluruhannya, KUSKOP memainkan peranan penting dalam menerajui pelaksanaan Pelan Strategik PMKS 2030. Ini termasuk tugas melaksanakan pemantauan dan penilaian ke atas pelbagai inisiatif strategik yang telah dirancang.

Tiga pemboleh utama yang akan memperkukuhkan rangka kerja tadbir urus adalah seperti berikut:

1. Rangka kerja pemantauan dan penilaian yang mantap:

Usaha diperlukan untuk mengukuhkan rangka kerja pemantauan dan penilaian bagi memastikan impak dan keberhasilan program

2. Agensi Pembangunan Usahawan Yang Berkesan dan Berkebolehan (EDO)*:

Terdapat lebih daripada 60 EDO yang memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan PMKS di Malaysia. Usaha berterusan perlu untuk memastikan tiada pertindihan peranan dan tanggungjawab bagi melaksanakan program dengan lebih berkesan

3. Akses Terbuka kepada Maklumat Berkaitan PMKS*:

Membolehkan akses kepada maklumat berkaitan PMKS untuk sektor awam dan swasta dapat memastikan proses pembuatan keputusan yang lebih baik di kedua-dua pihak

*Sejumlah inisiatif strategik utama telah dikenal pasti berkaitan dengan dua faktor sokongan ini seperti di Lampiran.

Kesimpulan

Pelan Strategik PMKS 2030 bertujuan untuk memecut pertumbuhan PMKS di negara ini. Dengan mengenal pasti cabaran dan peluang serta langkah-langkah yang perlu diambil ia berpotensi mewujudkan **persekitaran holistik yang kondusif bagi menggalakkan inovasi, pertumbuhan, dan kemakmuran**. Kolaborasi yang berkesan dalam kalangan pemegang taruh daripada sektor

awam dan sektor swasta amat penting untuk memastikan kejayaan dalam melaksanakan strategi dan inisiatif yang dirancang agar PMKS dapat berkembang dan menjadi antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Rumusan

Landskap global berubah dengan pantas. Impak pandemik COVID-19 ke atas PMKS telah menunjukkan bahawa **PMKS mudah terjejas dengan gangguan luaran**. Oleh itu, PMKS perlu meningkatkan daya tahan perniagaan and menerima pendigitalan untuk mempercepatkan pemulihan. Tambahan pula, dengan penekanan yang diberi untuk kembali pulih dengan lebih baik, PMKS perlu menerima arus pendigitalan serta langkah-langkah berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk kekal berdaya saing di peringkat global.

Pelan Strategik PMKS 2030 yang telah dirangka akan melengkapi PMKS dengan kebolehan dan keupayaan yang diperlukan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan. Ini membolehkan PMKS terus dapat beradaptasi dengan trend baharu muncul dan terus menyumbang kepada ekonomi negara. Pelan ini juga bertujuan untuk membangunkan PMKS yang berdaya tahan dan mampu untuk pulih daripada ketidaktentuan serta keadaan yang mencabar.

Pelan Strategik PMKS 2030 menumpukan kepada dua objektif utama untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing PMKS menerusi tiga pemangkin dan disokong oleh enam tonggak yang menjadi asas kepada pembangunan ekosistem PMKS. Melalui rangka kerja yang komprehensif dan strategi serta inisiatif yang dirangka akan memastikan sasaran Pelan Strategik PMKS 2030 dapat dicapai.

Lampiran

Inisiatif Utama Untuk Mempertingkatkan Kemampuan EDO dan Akses Kepada Maklumat

INISIATIF				
No	Inisiatif	Kementerian Terlibat	Sasaran yang Dicadangkan	Fasa
1	Menyelaraskan program berkaitan PMKS yang bersesuaian di peringkat Persekutuan dan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Peneraju: KUSKOP Kolaborasi Utama : EDO 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan dalam penarafan GCI dan GII di Malaysia 	• Fasa 1
2	Menyelaraskan peranan dan tanggungjawab EDO menerusi pendekatan perundingan langkah demi langkah	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Peneraju: KUSKOP Kolaborasi Utama : EDO 		• Fasa 1
3	Menambah baik akses PMKS kepada maklumat yang diperlukan untuk perniagaan dan meningkatkan kesedaran berkenaan program-program berkaitan keusahawanan melalui kolaborasi dengan persatuan perniagaan dan dewan perniagaan industri	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Peneraju: KUSKOP Kolaborasi Utama : EDO 		• Fasa 1 – Fasa 3
4	Mengkaji semula kriteria penilaian semasa untuk DFI dan agensi yang memainkan peranan komersial dan pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Peneraju: MOF Kolaborasi Utama : KUSKOP, EDO 	<ul style="list-style-type: none"> Menyelesaikan kajian semula pada tahun 2025 	• Fasa 1
5	Meningkatkan akses kepada data berkaitan PMKS untuk membantu proses membuat keputusan menerusi penubuhan Pangkalan Data Usahawan Bersepadu	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Peneraju: KUSKOP Kolaborasi Utama : DOSM, EDO 	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Pusat BDA 	• Fasa 1

Senarai Agensi Pembangunan Usahawan (EDO)

Senarai Kementerian Persekutuan

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
- Kementerian Digital (KD)
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
- Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)
- Kementerian Kewangan (MOF)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
- Kementerian Ekonomi
- Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA)*
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)*
- Jabatan Perdana Menteri

Senarai Agensi Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun

- Bioeconomy Malaysia
- Agro Bank
- Jabatan Perikanan
- Jabatan Pertanian
- Lembaga Pertubuhan Peladang*
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia*
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia*
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan *
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda*
- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia*
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
- MYNIC BERHAD
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)
- MyCreative Ventures
- Cyber Security Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional
- Jabatan Pengajian Tinggi
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
- Education Malaysia Global Services
- Agensi Kelayakan Malaysia*

*Sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Malaysian Industrial Development Finance
- SIRIM Berhad
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
- Perbadanan Produktiviti Malaysia*
- Lembaga Pembangunan Industri Malaysia
- Perbadanan Pembangunan Industri Halal
- Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad
- Jabatan Standards Malaysia
- Majlis Rekabentuk Malaysia
- Majlis Minyak Sawit Malaysia
- Lembaga Getah Malaysia
- Majlis Kayu Kayan Malaysia
- Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia
- Majlis Pensijilan Kayu Kayan Malaysia
- Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia
- Lembaga Lada Malaysia
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Lembaga Koko Malaysia*
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara*
- Lembaga Getah Malaysia*
- Jabatan Kemajuan Orang Asli
- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- Jabatan Pembangunan Komuniti
- Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
- Cradle Fund Sdn. Bhd.
- Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)
- Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd
- NanoMalaysia Berhad
- Malaysia Venture Capital Management Bhd.
- MRANTI
- Agensi Angkasa Malaysia
- MIMOS Bhd
- Yayasan Inovasi Malaysia
- Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia
- Jabatan Kimia
- Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT)

- Lembaga Teknologis Malaysia
- Akademi Sains Malaysia
- Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
- Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
- Bank Rakyat
- Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA Holdings Berhad)
- TEKUN Nasional
- Institut Keusahawanan Negara
- HRD Corp
- Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Jabatan Tenaga Kerja
- TalentCorp
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Pembangunan Wanita
- Jabatan Belia dan Sukan Negara
- Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan
- Tourism Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
- Pusat Pelancongan Islam Malaysia
- Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
- Jabatan Kastam Diraja
- Bursa Malaysia
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia
- Lembaga Pembangunan Langkawi
- Lembaga Hasil Dalam Negeri*
- Bank Negara Malaysia*
- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan*
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia*
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia*
- Suruhanjaya Persaingan Malaysia*
- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

*Badan Berkanun Utama yang memainkan peranan kawal selia



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**